PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

RABU: 21 MEI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA 71)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)**
TARIKH	:	**21.05.2008 (RABU)**
SOALAN	:	**11**

TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan bagi menggantikan mekanisme kawalan harga ke atas barangan keperluan yang beliau anggap tidak realistik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga kebanyakan barangan akhir-akhir ini merupakan fenomena yang bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi di seluruh dunia. Ini disebabkan kenaikan harga komoditi utama dunia seperti minyak mentah, bahan makanan yang digunakan untuk membuat bahan bakar (*biofuel)*, bijih besi, arang batu, gandum, jagung, kacang soya dan lain-lain. Peningkatan harga komoditi ini adalah di luar kawalan Kerajaan kerana harga tersebut ditentukan oleh kuasa pasaran di peringkat antarabangsa.

Selain daripada mekanisme kawalan harga yang dijalankan sebelum ini, Kerajaan telah melaksanakan pendekatan baru yang lebih realistik iaitu melalui penubuhan Jawatankuasa Khas

Kabinet Bagi Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Dalam mesyuarat Jawatankuasa tersebut pada April 2008 lalu, Dasar Jaminan Makanan Negara telah dibincangkan. Melalui dasar ini, beberapa langkah telah dikemukakan dan dilaksanakan. Antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, mewujudkan stok penimbal dan Program Buku Hijau. Sebanyak RM4 billion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

Kerajaan juga akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946 dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna. Pada masa yang sama, program subsidi untuk barangan perlu serta penstabilan harga runcit bagi barangan tertentu seperti beras, minyak masak, tepung akan terus dilaksanakan. Sistem pengedaran barang sedia ada juga akan dipertingkatkan dan ditambah baik.

Selain itu, Kerajaan telah mengambil langkah meliberalisasikan pasaran besi keluli mulai 12 Mei 2008. Langkah tersebut adalah bagi mengatasi kenaikan harga produk besi keluli di pasaran tempatan. Tiga langkah utama telah diambil iaitu:

1. Harga siling bagi besi keluli di pasaran tempatan dimansuhkan;
2. Pengimportan besi keluli akan dikecualikan daripada memperolehi lesen import dan membayar duti import; dan
3. Pengusaha besi keluli tempatan akan dibenarkan mengeksport hasil keluaran mereka.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)**
TARIKH	:	**21.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sekolah Menengah di kawasan Lachau-Pantu akan dibina kerana difahamkan bahawa rancangan telah dibuat tetapi belum mendapat kelulusan pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada rancangan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) untuk melaksanakan projek sekolah menengah di kawasan Lachau-Pantu di kawasan Parlimen Sri Aman. Ini disebabkan bilangan murid yang sedia ada dari sekolah rendah di kawasan tersebut tidak memungkinkan pewujudan sekolah menengah.

Buat masa ini terdapat SMK Melugu di kawasan Parlimen Sri Aman yang masih boleh menampung murid-murid sekolah rendah dari kawasan Lachau-Pantu. Sekolah ini juga sedang beroperasi secara satu sesi. Selain daripada itu, dalam RMKe-9, SMK Melugu juga telah diluluskan projek gantian/tambahan dengan skop kerja 18 buah bilik darjah dan asrama yang boleh menampung kapasiti sebanyak 300 orang murid.

Di samping itu, sekolah-sekolah menengah yang berhampiran juga telah diluluskan projek-projek gantian/tambahan, iaitu SMK Sri Aman dengan skop kerja 6 bilik darjah dan SMK Simanggang dengan skop kerja 24 bilik darjah.

Rjm 63

No. Soalan : 13

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)**

TARIKH : **21 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya bagi memperkukuhkan lagi ekonomi masyarakat luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk memacukan ekonomi masyarakat luar bandar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengenal pasti 3 program ekonomi utama iaitu (1) pembangunan usahawan, (2) pembangunan tanah dan wilayah dan (3) pembangunan bersepadu berkonsepkan agropolitan.

1. Pembangunan Usahawan

Dalam tempoh RMKe-9, sejumlah RM229.4 juta diperuntukkan bagi melaksanakan **Program Latihan dan Bimbingan Usahawan, Program Pemasaran dan Promosi, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Program Premis Perniagaan, Program Pertanian Komersial** dan **Program Pembangunan Ekonomi.** Program ini dijangkakan dapat melahirkan **44,526 peserta/usahawan** luar bandar.

2. Pembangunan Tanah & Wilayah

Dalam konteks pembangunan tanah dan wilayah, sejumlah RM3,017.8 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-9. Melalui pembangunan tanah, dijangkakan seluas **278,826 hektar** akan dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit serta aktiviti ekonomi tambahan lain bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan sekaligus membasmi kemiskinan rakyat di luar bandar. Agensi-agensi pembangunan tanah yang terlibat ialah **FELCRA Berhad, RISDA**, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (**SALCRA**), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (**LKTS**), dan Jabatan Pertanian Sarawak (**JPS**) di Sarawak dan Lembaga Industri Getah Sabah (**LIGS**) di Sabah.

Manakala, program-program ekonomi yang dilaksanakan oleh agensi pembangunan wilayah meliputi **pembangunan modal insan, pusat pertumbuhan desa (PPD), penyusunan semula kampung tradisional, pembangunan infrastruktur, pembangunan bandar baru, penyediaan kawasan industri, pembangunan tanah** dan **penyediaan kemudahan sosial.** Agensi-agensi yang terlibat ialah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (**KEJORA**), Lembaga Kemajuan

Wilayah Kedah (**KEDA**), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (**KETENGAH**) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (**KESEDAR**).

3. Pembangunan Bersepadu berkonsepkan Agropolitan

Projek pembangunan bersepadu melalui Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) dengan berkonsepkan Agropolitan yang memberi penekanan kepada **tiga komponen utama** iaitu **pembangunan manusia, ekonomi** dan **fizikal berasaskan pertanian.** Matlamat program agropolitan ialah meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar melepasi pendapatan dari RM300.00 sebulan kepada RM1,200 sebulan atau lebih. Aktiviti ekonomi utama untuk menjana pendapatan peserta ialah pembukaan tanah baru dengan tanaman getah dan kelapa sawit serta aktiviti ekonomi tambahan (AET).

SOALAN NO : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

TARIKH : 21.05.2008

SOALAN :

TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KURAU) MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH PELEBARAN PROJEK JALAN DARI SIMPANG KAMPUNG AWAH

BANDAR TUN RAZAK, JENGKA - SIMPANG JENGKA 8 TERSENARAI DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN(RMKe-9).

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

PROJEK INI TIDAK DIPOHON OLEH JABATAN KERJA RAYA PAHANG ATAUPUN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PAHANG UNTUK DIMASUKKAN KE DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN (RMKe-9).

NO : 15

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**15**

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi keharmonian antara rakyat berbilang kaum selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Keharmonian antara rakyat berbilang kaum di negara ini telah lama wujud hasil daripada dasar-dasar dan langkah-langkah yang telah diambil sebelum ini oleh pihak Kerajaan seperti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Walau bagaimanapun, ada segelintir pihak yang telah membangkitkan isu perkauman ketika Kempen Pilihanraya Umum Ke-12 baru-baru ini dan ini telah sedikit sebanyak menjejaskan masalah keharmonian di negara ini. Memandangkan masalah keharmonian ini serius, maka langkah-langkah membendung kemungkinan berlakunya pergaduhan dan perselisihan antara kaum ini telah dan akan terus dilaksanakan oleh

pihak Kerajaan. Ini kerana jika perkara seperti ini tidak dibendung, kestabilan ekonomi, politik dan sosial negara akan tergugat.

Justeru, selepas Pilihanraya Umum Ke-12, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengambil langkah-langkah berkesan seperti:

a) Mengadakan Majlis Perjumpaan bersama pemimpin-pemimpin / NGO Agama Islam pada 21 April 2008.

b) Mengadakan Majlis Perjumpaan bersama pemimpin-pemimpin / NGO Agama Bukan Islam pada 24 April 2008 yang terdiri daripada ketua-ketua agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao.

Hasil daripada kedua-dua perjumpaan tersebut telah mencadangkan diwujudkan garis panduan dalam hal

pembinaan dan perobohan rumah ibadat. Ini kerana isu pembinaan dan perobohan rumah ibadat adalah salah satu isu sensitif yang dibangkitkan ketika pilihanraya umum berlangsung, maka pihak Kementerian berpendapat adalah wajar untuk mendapatkan maklum balas daripada kesemua pemimpin agama bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

Kementerian juga akan mempertingkatkan segala usaha ke arah menyatupadukan masyarakat serta keharmonian dan perhubungan kaum melalui program-program dan aktiviti yang telah disusun, antaranya ialah:

1. Program Kesedaran Perpaduan dan Integrasi Nasional yang melibatkan kesemua Kementerian / Agensi dan sektor swasta;

2. Program Penggalakan Perpaduan di Peringkat Komuniti seperti aktiviti kejiranan, kesukanan dan gotong-royong; dan

3. Wacana Perpaduan di Peringkat Remaja dan Belia.

Selain daripada itu, Kementerian akan terus melaksanakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di mana kempen ini mensasarkan kepada empat (4) institusi utama iaitu:

a) Institusi Kekeluargaan;

b) Institusi Pembelajaran;

c) Institusi Kemasyarakatan; dan

d) Institusi Perkhidmatan;

Semestinya keempat-keempat institusi ini melibatkan pelbagai kaum dan etnik di negara ini dengan harapan nilai-nilai murni yang diserapkan akan dapat meningkatkan lagi keharmonian antara rakyat berbilang kaum di Negara ini.

Di samping itu, Kementerian juga akan terus menganjurkan enam (6) Majlis Rumah Terbuka Malaysia yang telah diangkat menjadi program nasional iaitu Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Gawai Dayak dan Tadau Kaamatan.

Kementerian juga akan meneruskan program-program kebudayaan dan kesenian seperti Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) di mana bagi tahun 2008 ini, sebanyak 158 aktiviti akan dijalankan di beberapa kawasan seperti kawasan perumahan komuniti

beruniform, kawasan perumahan awam, kawasan luar Bandar dan penempatan FELDA / FELCRA.

Kesemua program dan aktiviti ini dapat meningkatkan lagi keharmonian antara rakyat berbilang kaum di Negara ini terutamanya selepas Pilihanraya Umum Ke-12 baru-baru ini.

Saya percaya Yang Berhormat – Yang Berhormat daripada Kementerian lain juga sedang dan akan menjalankan usaha yang sama iaitu ke arah memperkukuh keharmonian rakyat di negara ini.

Justeru, saya menyeru kepada semua ahli dewan yang mulia ini agar sama-sama memainkan peranan dalam meningkat dan mengekalkan keharmonian antara kita semua demi Negara ini.

No : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN CHUA SOON BUI (TAWAU)**
TARIKH	:	**21.05.2008 (RABU)**
SOALAN	:	**16**

PUAN CHUA SOON BUI (TAWAU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membasmi penyeludupan petrol, diesel serta minyak masak yang bersubsidi Kerajaan ke negara-negara jiran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk membasmi penyeludupan petrol, diesel serta minyak masak bersubsidi ke negara jiran. Langkah-langkah yang telah diambil adalah :-

1. Penubuhan Pasukan Petugas Khas bagi menangani penyeludupan barang-barang kawalan yang dianggotai oleh Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), PDRM (Pasukan Gerakan Am dan Marin), MPOB serta Kastam.

2. Kementerian turut menyertai operasi maritim yang diselaraskan oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) bersama-sama agensi penguatkuasaan maritim lain.

3. Penempatan pegawai dan anggota penguatkuasa di pintu-pintu keluar dan masuk negara khususnya di kawasan sempadan seperti di negeri Kedah, Perlis dan Kelantan sebagai langkah membendung penyeludupan. Manakala di selatan Semenanjung pegawai penguatkuasa juga membuat pemeriksaan ke atas individu yang keluar, bagi memastikan mereka tidak membawa minyak masak serta barang-barang kawalan lain. Pegawai penguatkuasa juga di tempatkan di stesen-stesen minyak bagi memantau pembelian minyak diesel dan petrol oleh kenderaan asing dan tempatan dalam jumlah yang mencurigakan di stesen berhampiran sempadan negara.

4. Menguatkuasakan undang-undang di bawah perintah Kawalan Bekalan (Penandaan Barang Berjadual) 2006. Pemeriksaan dan pemantauan telah dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas Nanatog Kementerian ke kawasan-kawasan perindustrian, pemborong-pemborong, premis-premis perniagaan dan lori tangki.

5. Mengadakan larangan berurus niaga minyak masak di dalam kawasan *Free Trade Zone* (FTZ) khususnya di negeri Kelantan di mana daerahnya bersempadan dengan negara Thailand.

6. Kementerian juga dalam proses menggubal dan mewartakan Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2008 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk memastikan barang-barang kawalan tidak boleh dibawa ke luar negara.

7. Kementerian turut menyediakan beberapa saluran untuk pengguna dan orang ramai membuat aduan atau memberi maklumat berkaitan dengan penyeludupan atau sebarang aktiviti yang tidak sihat melalui talian bebas tol : 1-800-886-800, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) : 32255 dan melalui e-aduan : *http://e-aduan.kpdnhep.gov.my* atau menghubungi mana-mana Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berhampiran.

NO. SOALAN : 17

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN :

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina tebatan banjir di daerah Setiu bagi mengatasi banjir yang melanda setiap tahun di mana ia menjejaskan pendapatan dan mendatangkan kesusahan kepada penduduk tempatan hingga mengakibatkan kerugian yang besar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang melaksanakan program jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir di Sg. Setiu.

Langkah jangka pendek yang diambil bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut adalah dengan melaksanakan kerja-kerja mendalamkan Sg. Setiu, menggali Lagun Setiu dan juga membina sistem saliran bagi mengurangkan masalah banjir penduduk setempat.

Bagi mengatasi masalah banjir dengan kaedah jangka panjang, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran sedang dalam proses melantikan juruperunding bagi melaksanakan kerja-kerja rekabentuk terperinci.

Sekian, terima kasih.

SOALAN :18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	**TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyeragamkan data maklumat peserta Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di antara Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah membangunkan satu Pangkalan Data Bank Nasional yang dipanggil sistem eKasih untuk menyeragamkan data maklumat peserta Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di

antara Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sistem maklumat bersepadu ini dibangunkan bertujuan untuk menyeragamkan bukan sahaja maklumat peserta SPKR untuk miskin tegar di luar bandar, malahan juga maklumat miskin di bandar yang dilaksanakan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, penerima bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan-jabatan lain di peringkat negeri. Sistem eKasih merupakan tempat rujukan setempat sebagai asas mengenalpasti bakal peserta projek dan penerima bantuan, di samping pemantauan berterusan yang dibuat kepada setiap ahli isi rumah keluarga tersebut.

Objektif membangunkan sistem eKasih adalah untuk memudahkan agensi pelaksana dalam usaha untuk merancang program-program pembasmian kemiskinan di peringkat pusat, negeri dan daerah, membuat analisis maklumat untuk semua program yang dilaksanakan secara pakej mengikut

kementerian dan agensi. Selain dari itu eKasih juga dapat mengelak pertindihan penyampaian bantuan kemiskinan dan berupaya mengenalpasti mereka yang masih belum menerima sebarang bantuan atau terlibat dengan projek yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi pemberi bantuan.

SOALAN NO. ~~13~~ 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)

TARIKH : 21/5/2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Datuk Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah kesan dan kejayaan dalam melaksanakan program-program yang sedia ada terutamanya di daerah Kinabatangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui ketiga-tiga agensinya iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) melaksanakan beberapa program di daerah Kinabatangan untuk kumpulan sasar Kementerian terutamanya wanita, keluarga dan orang kurang upaya.

Mulai tahun 2004 sehingga 2007, Kementerian melalui jentera di peringkat akar umbi iaitu Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Kinabatangan telah melaksanakan sebanyak enam (6) program keluarga yang melibatkan seramai 1660 orang peserta iaitu:

Nama Program	Bil. Program	Bil. Peserta
Selingkar Kasih	1	500
Nur Sejahtera	1	150
SMARTSTART	3	280
Smart solat	3	230
Nur Hidayah	3	300
Hari Keluarga	1	200
Jumlah	**12**	**1660**

Bagi tahun 2008, sebanyak tiga (3) lagi program dilaksanakan oleh MPWK termasuk di kawasan Parlimen Kinabatangan iaitu Program Nur Sejahtera, Selingkar Kasih dan Pengurusan Emosi.

JKM pula telah menubuhkan sebuah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di daerah Kinabatangan. Pusat ini berperanan sebagai tempat pemulihan dan rawatan kanak-kanak kurang upaya yang berteraskan konsep pelaksanaan oleh komuniti dan di dalam komuniti di mana ibu bapa kanak-kanak kurang upaya turut sama mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PDK.

Pada masa ini seramai tiga puluh tiga (33) orang kanak-kanak kurang upaya sedang mengikuti latihan di PDK ini.

Program-program yang dilaksanakan oleh LPPKN, JPW dan JKM memberi faedah secara langsung kepada kumpulan sasar Kementerian. Saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan juga telah melihat faedah yang dinikmati oleh masyarakat Kinabatangan dan akan sentiasa menyokong usaha-usaha Kementerian mempergiatkan pelaksanaan program-program ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kadar kemiskinan di Malaysia pada masa kini. Sila nyatakan negeri-negeri dan daerah-daerah yang sedang mengalami peningkatan kadar kemiskinan jika ada. Beri penjelasan mengapa fenomena ini terjadi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran kadar kemiskinan keseluruhan terkini ialah 3.6 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun 2004. Secara keseluruhannya, semua negeri di Malaysia menunjukkan penurunan dalam insiden kemiskinan pada tahun 2007 kecuali dua negeri iaitu Pulau Pinang dan Perlis yang menunjukkan sedikit peningkatan insiden kemiskinan. Insiden kemiskinan di Pulau Pinang meningkat daripada 0.3 peratus pada tahun 2004 kepada 1.4 peratus pada tahun 2007, manakala insiden kemiskinan di Perlis meningkat sedikit kepada 7.0 peratus

berbanding 6.3 peratus pada tahun 2004. Maklumat mengenai kadar kemiskinan terkini mengikut daerah tidak dapat dikemukakan. Ini memandangkan pensampelan bagi penyiasatan HIS 2007 hanya terhad kepada peringkat negeri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini sedang membuat analisis terperinci ke atas tren peningkatan kemiskinan daripada hasil penyiasatan HIS 2007 tersebut supaya tindakan yang benar-benar berkesan dapat diambil secara khusus bagi memastikan tren ini tidak berulang. Walau bagaimanapun, secara amnya, faktor seperti pertumbuhan ekonomi, akses kepada peluang pekerjaan dan peningkatan harga komoditi pertanian utama seperti kelapa sawit dan getah adalah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah dalam tempoh 2004-2007. Peningkatan harga komoditi tidak memberi kesan besar kepada pendapatan penduduk di luar bandar Perlis dan Pulau Pinang memandangkan keluasan bertanam di kedua-dua negeri tersebut adalah kurang daripada 0.5% daripada 5.5 juta hektar jumlah keluasan bertanam getah dan kelapa sawit pada tahun 2007. Bagi kemiskinan bandar pula, kekurangan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran, status kesihatan dan umur ketua isi rumah yang semakin lanjut juga menjadi faktor penting yang menyebabkan sesebuah isi rumah hilang atau berkurang mata pencarian dan terus dihimpit kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Yang Berhormat adalah dari Negeri Sarawak, suka saya ingin memaklumkan bahawa insiden kemiskinan di Negeri Sarawak telah berkurang, iaitu daripada 7.5 peratus pada tahun 2004 kepada 4.3 peratus pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar, sememangnya banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan rakyat Malaysia yang dihimpit kemiskinan tidak terus menderita. Program-program Kerajaan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan golongan ini terbela. Usaha-usaha Kerajaan termasuklah untuk mempelbagaikan pendapatan penduduk luar bandar agar tidak bergantung kepada satu sumber sahaja. Manakala bagi kemiskinan bandar, tumpuan juga diberikan kepada skim latihan dan latihan semula bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat menyesuaikan diri dengan perubahan peluang pekerjaan. Dalam hubungan ini, Negeri Sarawak juga tidak ditinggalkan oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat dan seterusnya membasmi kemiskinan.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**892**

Y.B. Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) adakah Kementerian sedar, apabila seseorang rakyat Malaysia meninggal dunia warisnya mestilah mendaftarkan kematiannya dengan Jabatan Pendaftaran Negara dalam masa tiga hari. Jika gagal, waris tersebut akan didenda; dan

(b) berapakah denda yang dikenakan dan apakah lagi tindakan *administratif* yang mesti diambil oleh pihak waris. Tidakkah tiga hari terlalu pendek sedangkan waris sedang bersedih dan berkabung. Lantaran itu, banyak kematian yang tidak didaftarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran kematian adalah tertakluk kepada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Pendaftaran kematian dibahagikan kepada tiga keadaan. Pendaftaran kematian biasa yang didaftarkan dalam tempoh 12 jam (*tidak termasuk waktu gelap*), pendaftaran lambat kematian iaitu dari hari kedua hingga hari keempat kematian dan pendaftaran lewat kematian iaitu selepas hari kelima kematian. Kerajaan sedar bahawa memang ramai di antara waris-waris yang gagal mendaftar kematian dalam tempoh empat hari selepas sesuatu kematian.

(b) Bagi pendaftaran lewat kematian kompaun yang dikenakan ialah tidak melebihi RM50.00. Nasihat Kementerian kepada pihak pewaris supaya mengemukakan permohonan dalam tempoh empat hari selepas kematian. Bagi pihak Jabatan Pendaftaran Negara, berbagai usaha

telah dijalankan untuk menangani masalah pendaftaran lewat kematian. Antaranya ialah:-

(i) Melaksanakan waktu kerja berperingkat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya dan Ibu Pejabat JPN di semua negeri.

(ii) Kaunter-kaunter juga dibuka sehingga jam 5.30 petang pada setiap hari dan pada waktu rehat.

(iii) Membuka pejabat pada hari sabtu dan ahad seperti yang dilakukan di JPN Kuala Lumpur dan Melaka. Pihak Jabatan juga bercadang untuk memperluaskan di seluruh negara.

(iv) Bercadang untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi melanjutkan tempoh pendaftaran kematian sehingga 7 hari.

NO. SOALAN : 22

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEE LEONG [KAMPAR]

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan -

(a) apakah punca masalah banjir di Sungai Keranji, Kampar; dan

(b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah banjir di kawasan terbabit.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

a) Punca masalah banjir di Sungai Keranji adalah kerana pertumbuhan kawasan bandar dan kepesatan pembangunan yang berlaku telah mengakibatkan peningkatan jumlah kadar alir tadahan. Akibatnya Sungai Kampar tidak dapat menampung aliran air semasa hujan lebat. Ini telah menyebabkan air melimpah keluar dan berlaku banjir di kawasan sekitarnya.

b) Untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Kampar, kerajaan telah melaksanakan projek tebatan banjir yang menyeluruh bagi Daerah Kinta. Projek ini adalah meliputi kerja-kerja pengaluran Sungai Kinta dan anak-anak sungai utamanya termasuk mendalam dan melebarkan sungai, membina dan meninggikan ban, membina dan membaiki struktur kawalan air, mengganti jambatan dan pembinaan struktur-struktur kawalan hakisan tebing sungai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

No : 23

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG (KANOWIT)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 21.05.2008

SOALAN NO : 23

Tuan Aaron Ago Anak Dagang (Kanowit) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan dan keuntungan bulanan atau tahunan syarikat "Skim Perjudian" seperti TOTO, MAGNUM, SWEEP dan lain-lain. Apakah dasar dan objektif sebenar bagi penubuhan syarikat-syarikat perjudian tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan dan keuntungan tahunan syarikat-syarikat perjudian bagi tahun 2006 dan 2007 masing-masing adalah sebanyak RM2.20 bilion dan RM2.41 bilion. Kerajaan mengawal aktiviti perjudian melalui pelesenan dengan mengenakan syarat dan sekatan yang ketat. Dengan lesen yang dikeluarkan, secara langsung Kerajaan dapat mengawal dan mencegah aktiviti perjudian secara haram (*illegal gambling*). Selain itu, dengan kelulusan yang diberikan kepada

syarikat-syarikat perjudian, Kerajaan juga dapat mencegah dan mengawal golongan tertentu seperti masyarakat Islam dan mereka yang di bawah umur 21 tahun daripada terlibat dalam aktiviti perjudian. Untuk makluman Ahli Yang berhormat juga, Kerajaan tidak lagi mengeluarkan sebarang lesen dan permit baru bagi semua bentuk perjudian.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**893**

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah keselamatan yang semakin hari semakin serius di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah keselamatan di Sarawak. Langkah-langkah tersebut adalah seperti meningkatkan kehadiran polis dengan penambahan keanggotaan dan rondaan tambahan daripada Pasukan Gerakan Am, Pusat Latihan Polis serta Pasukan Polis Marin; mengadakan rondaan dari udara menggunakan helikopter Unit Udara PDRM; memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam mengadakan operasi bersepadu; mengadakan kerjasama dengan badan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti mengadakan ceramah serta melalui media massa; menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan

Cops, Rukun Tetangga dan RELA; dan meningkatkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan bandar Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri.

Soalan No. 25

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK JAEM (SERIAN)**

TARIKH : **21 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan wujud perancangan untuk menurap kesemua jalan-jalan kampung (PJK) di luar bandar Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Serian menjelang 2010.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sangat komited bagi menurap kesemua jalan-jalan kampung (PJK) di luar bandar. Dalam RMK9, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM220.00 juta bagi meningkatkan kemudahan jalan kampung di negeri Sarawak. Kementerian juga telah mengemukakan permohonan tambahan siling peruntukan di dalam kajian separuh penggal RMK-9 dan perkara ini sedang dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana

Menteri dan sekiranya diluluskan, Kementerian bercadang menambah peruntukan sejumlah RM90.20 juta untuk melaksanakan Projek Jalan Kampung(PJK) di negeri Sarawak.

Bagi kawasan Parlimen Serian, Kementerian telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM3.56 juta untuk menurap dan menaiktaraf jalan kampung bagi tahun 2006 hingga tahun 2008 dan perancangan untuk menurap kesemua jalan kampung di Parlimen Serian akan diteruskan dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**Y.B DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**
Tarikh	:	**21 MEI 2008 (RABU)**

SOALAN:

YB. Dato' Dr Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana BERNAMA TV selaku salah satu media rasmi Kerajaan akan berubah berikutan ia akan diswastakan di bawah BERNAMA TV Synergy Sdn Bhd.

JAWAPAN:

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Lipis atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan hampir sama bernombor 22 yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Raime bin Unggi (Tenom) bertarikh 27 Mei 2008.

BERNAMA TV yang dahulunya dikendalikan sepenuhnya oleh BERNAMA beroperasi sebagai sebuah syarikat usaha sama di bawah nama BERNAMA TV Synergy Sdn Bhd mulai 15 Februari 2008.

Peranan BERNAMA kekal sebagai pembekal dan penerbit kandungan atau *content* untuk buletin berita 24 jam yang disiarkan menerusi Saluran 502 Astro.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)**

TARIKH : **21.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar bukan Bumiputera yang telah diambil oleh Maktab Rendah Sains MARA dan Kolej Matrikulasi sejak 2004 dan apakah syarat kelayakan yang dikenakan ke atas pemohon bukan Bumiputera .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak tahun 2004, enrolmen pelajar bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) adalah sebanyak **3,094 orang**, manakala enrolmen pelajar bukan bumiputera di Kolej Matrikulasi adalah sebanyak **8,125 orang**.

Syarat kelayakan yang dikenakan ke atas permohonan pelajar bukan Bumiputera di MRSM adalah seperti berikut;

i. warganegara Malaysia;
ii. ibu bapa adalah warganegara Malaysia;
iii. memperoleh 5A dalam UPSR dan keputusan minimum 6A dalam PMR (keputusan A dalam subjek Sains dan Matematik);
iv. mengisi borang permohonan;
v. bergiat aktif dalam bidang kepimpinan, kokurikulum dan sukan;

vi. bagi lepasan PMR, pelajar telah mengikuti persekolahan di sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan perlu menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM); dan

vii. keutamaan diberikan pada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

Syarat kelayakan yang dikenakan ke atas permohonan pelajar bukan Bumiputera di Kolej Matrikulasi adalah berdasarkan merit. Tiga kriteria yang digunakan untuk menghitung merit adalah;

i. pencapaian akademik 80%

ii. taraf pendapatan keluarga 10%

iii. lokasi tempat tinggal 10%

SOALAN NO:21(٢٨)

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 21.05.2008

SOALAN : **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (Padang Terap)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan membangunkan modal insan di kalangan generasi kedua FELDA sekaligus meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor pertanian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan pelbagai program membangunkan modal insan dalam sektor pertanian di kalangan generasi FELDA. Di antara program

utama yang dijalankan ialah menggalakkan generasi FELDA terlibat di dalam aktiviti keusahawanan. Kerajaan telah mewujudkan Skim Insentif Usahawan Felda atau SIUF dengan tabung pusingan berjumlah RM100 juta untuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada warga peneroka termasuk generasi FELDA untuk memulakan pelbagai aktiviti industri asas tani seperti ternakan, tanaman, akuakultur, perusahaan makanan dan lain-lain.

Sehingga 1 April 2008, pinjaman berjumlah RM73.36 juta telah dikeluarkan kepada 5,012 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,126 generasi FELDA telah mendapat pembiayaan pinjaman membabitkan RM14.77 juta untuk kegiatan keusahawan dalam industri asas tani. Nilai pinjaman yang dikeluarkan adalah antara RM10,000 hingga RM150,000.

Kerajaan juga memperkenalkan Program Tunas Mekar dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM). Program ini bertujuan melatih graduan di kalangan generasi FELDA untuk terlibat dalam rangkaian dan jaringan perniagaan yang lebih kompetatif. Graduan generasi peneroka diberi latihan sebagai persiapan melibatkan diri dalam perniagaan yang lebih besar berasaskan entiti syarikat dan

menjalankan perniagaan sama ada dalam syarikat kumpulan FELDA atau di luar FELDA. Di antara aktiviti pertanian yang telah dijalankan setakat ini ialah perusahaan cendawan, nurseri, integrasi, fertigasi cili dan pembenihan ikan, lembu fidlot dan lain-lain.

Kerajaan juga telah mengadakan dasar di mana kerja kontrak pertanian atau semua kontrak di bawah nilai RM100,000 diberi terus kepada generasi FELDA. Ini bertujuan membolehkan mereka melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Generasi FELDA diberi latihan dan bimbingan secukupnya untuk terlibat di dalam kegiatan pertanian di tanah rancangan melalui bantuan kepada pertubuhan belia. Pada masa ini terdapat seluas 11,873.38 hektar tanah kosong yang sesuai dan dibangunkan untuk pelbagai aktiviti.

Melalui program yang dijalankan ini, Kerajaan berharap penglibatan generasi FELDA dalam bidang pertanian dapat ditingkatkan selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggembling dan menggerakkan sektor pertanian.

----------XXX----------

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**894**

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan indeks jenayah di Kuala Lumpur sepanjang 2007 dan 2008 berbanding tahun-tahun sebelumnya, jenis, jumlah tangkapan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat bulan Mac 2008, Kuala Lumpur telah mencatatkan sebanyak 6,802 kes. Daripada jumlah ini sebanyak 2,313 kes (34%) telah diselesaikan. Pada tahun 2007, indeks jenayah Kuala Lumpur telah mencatatkan sebanyak 29,473 kes di mana sebanyak 11,063 kes (37.54%) telah berjaya diselesaikan. Tahun 2006 pula mencatatkan sebanyak 31,740 kes di Kuala Lumpur. Sebanyak 8,374 kes (33.18%) telah diselesaikan.

Jika dibandingkan jumlah indeks jenayah bagi tahun 2006 dengan 2007, didapati terdapat penurunan jumlah kes sebanyak 2,267 kes (7.14%). Peratus penyelesaian kes juga meningkat daripada 33.18% pada tahun 2006 kepada 37.54% pada tahun 2007.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang perlu ba mencegah dan membanteras jenayah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti meningkatkan kehadiran polis dengan penambahan keanggotaan dan rondaan tambahan daripada Pasukan Gerakan Am, Pusat Latihan Polis serta Pasukan Polis Marin; mengadakan rondaan dari udara menggunakan helikopter Unit Udara PDRM; memperluaskan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam mengadakan operasi bersepadu; mengadakan kerjasama dengan badan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti mengadakan ceramah serta melalui media massa; menggiatkan program-program kesedaran dan pencegahan bersama masyarakat melalui program Rakan Cops, Rukun Tetangga dan RELA; dan meningkatkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan bandar.

NO SOALAN : 30

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NI CHING (SERDANG)

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN

Y.B. PUAN TEO NIE CHING (Serdang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai projek di mana keuntungan Petronas telah dibelanjakan dan jumlah rizab serta rasional untuk meletakkan keutamaan kepada perbelanjaan tersebut dan bukannya untuk memberi subsidi petrol minyak untuk rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan keuntungan PETRONAS secara amnya terbahagi kepada 3 kategori iaitu sumbangan kepada Kerajaan (dalam bentuk royalti, dividen, cukai dan duti eksport), agihan kepada pemegang saham minoriti Kumpulan dan perbelanjaan cukai luar negara serta pelaburan semula dalam industri petroleum.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1974 sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, PETRONAS telah mencatat keuntungan sebanyak RM570.0 bilion. Daripada jumlah ini, PETRONAS telah membayar sebanyak 62.8% atau RM357.8 billion dalam bentuk cukai, royalti, duti eskport dan dividen kepada Kerajaan Malaysia. Sebanyak 7.2% atau RM41.4 billion adalah keuntungan yang diperuntukkan

kepada pemegang saham minoriti Kumpulan dan perbelanjaan cukai luar negara. Manakala 30.0% daripada keuntungannya atau RM170.8 billion digunakan untuk pelaburan semula serta mengembangkan perniagaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang yang diterima oleh Kerajaan dari PETRONAS sama ada dalam bentuk royalti, duti eksport, cukai atau dividen dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan bersama hasil lain yang diterima oleh Kerajaan. Hasil yang terima ini digunakan oleh Kerajaan bagi tujuan berikut:

i. Perbelanjaan mengurus (termasuk pemberian subsidi ke atas produk petroleum, sektor kesihatan, sektor pendidikan serta sektor pertanian dan lain-lain); dan
ii. Perbelanjaan pembangunan.

Selain dari sumbangan dalam bentuk royalti, duti eksport, cukai dan dividen kepada Kerajaan, PETRONAS juga menanggung beban subsidi harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik. Sejak Mei 1997 sehingga Mac 2008, subsidi harga gas yang ditanggung PETRONAS adalah kira-kira RM79.0 bilion. Penetapan harga gas yang rendah kepada sektor elektrik telah membolehkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengenakan tarif elektrik yang rendah yang dinikmati oleh kira-kira 5.5 juta pelanggannya.

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaburan semula keuntungan adalah kritikal bagi PETRONAS untuk membolehkannya terus meningkatkan usaha-usaha carigali minyak dan

gas di dalam negara, membina dan meningkatkan kapasiti pengeluaran loji-loji penapisan dan pemprosesan untuk memenuhi permintaan bagi minyak, dan gas. Langkah ini secara langsung menambah nilai kepada sumber minyak dan gas negara. Pada tahun kewangan berakhir Mac 2007, umpamanya PETRONAS membuat pelaburan semula bernilai RM21.6 bilion yang mana RM16.2 bilion dalam sektor minyak dan gas manakala RM5.4 bilion dalam hartanah dan khidmat logistic. Dengan pelaburan ini, PETRONAS telah dapat mencatat keuntungan yang baik, yang membolehkannya terus menyumbang kepada negara melalui pembayaran kepada Kerajaan dalam bentuk cukai, dividen, duti eksport dan royalti. Oleh itu, pelaburan semula yang dibuat oleh PETRONAS adalah lebih memberi manfaat kepada negara dalam jangka panjang berbanding penggunaannya untuk pemberian subsidi minyak.

Tuan Yang Di Pertua,

Perlu juga dijelaskan di sini bahawa, selain dari sumbangan-sumbangan yang disebutkan tadi, PETRONAS juga perlu membayar pinjamannya yang digunakan untuk mengembangkan operasinya. Pada tahun kewangan berakhir Mac 2007, baki pinjaman PETRONAS adalah sebanyak RM35.9 bilion.

PETRONAS juga melaksanakan tanggung jawab sosial korporat, antara lain, seperti berikut:

i. Bidang pendidikan - menubuhkan Universiti Teknologi PETRONAS, Pusat Latihan Pengurusan PETRONAS (INSTEP), Akademi Laut Malaysia (ALAM) serta menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar terpilih.

ii. Bidang kesihatan - menyediakan pemeriksaan dan rawatan secara percuma kepada masyarakat luar bandar diseluruh Malaysia melalui Klinik Mata Bergerak Tun Hussein Onn.

iii. Bidang sukan - menaja *Adventure Team,* aktiviti sukan bermotor seperti Grand Prix PETRONAS F1 dan pasukan F1 Sauber - BMW PETRONAS. Disamping itu, PETRONAS turut menaja sukan lumba basikal seperti *Le Tour de* Langkawi.

iv. Bidang kesenian - menaja penubuhan Galeri PETRONAS dan kumpulan Seni Persembahan PETRONAS (PPAG).

Selain itu. PETRONAS juga merupakan penabung tunggal kepada Kumpulan Wang Amanah Negara yang ditubuhkan pada tahun 1988 dengan tujuan untuk memastikan penggunaan optima sumber-sumber negara yang menyusut bagi faedah generasi akan datang dan memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan *sustainable* kepada negara.

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)**

TARIKH : **21.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan untuk membina lebih banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina memandangkan ia semakin popular di kalangan kaum Cina dan juga bukan kaum Cina. Berapa buah SJK(C) telah dibina di kawasan bandar sejak tahun 2005.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap semua sekolah sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Sehubungan itu, dalam RMKe-9 (2006-2010), sebanyak dua (2) buah SJKC baru telah diluluskan pembinaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah menambah pembinaan SJKC baru seperti yang diluluskan pada Januari 2008 lepas. KPM secara prinsipnya telah meluluskan pembinaan enam (6) buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC. Kerajaan sedang memperhalusi pelaksanaan projek pembinaan sekolah tersebut khususnya berhubung dengan pemilikan tanah, pemilihan tapak dan lokasi serta kos pembinaan. KPM akan berbincang dengan pihak yang memohon iaitu pihak MCA dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) berkenaan dalam urusan tersebut.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN LOKE SIEW FOOK

TARIKH: 21 MEI 2007

SOALAN:

TUAN LOKE SIEW FOOK [Rasah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah penganggur di seluruh negara pada masa kini mengikut pecahan kaum, negeri asal dan tahap pendidikan dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran ini.

PR-1211-L12102

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod dalam Sistem Pemadanan Kerja (*Job Clearing System* - JCS) setakat 15 Mei 2008, bilangan pendaftar aktif JCS berjumlah **161,450** orang yang terdiri daripada **75,108** orang siswazah dan **86,342** orang bukan siswazah. Daripada jumlah tersebut, **88,527** pendaftar adalah **penganggur** manakala bakinya **66,011** pendaftar sedang **bekerja** dan seramai **8,108** pendaftar yang **bekerja sendiri**.

Bilangan Penganggur Mengikut Negeri.

(Sehingga 15 Mei 2008)

Johor	6290
Kedah	11,094
Kelantan	8,159
Melaka	2,678
Negeri Sembilan	3,744
Pahang	4,873
P.Pinang	3,226
Perak	9,610
Perlis	2,630
Selangor	7,504
Terengganu	6,830
Sabah	6,484
Sarawak	7,333
Kuala Lumpur	6,027
Labuan	462
Putrajaya	1,583

Bilangan Penganggur Mengikut Tahap Akademik

Tahap Akademik	Jumlah
Ijazah Kedoktoran	7
Ijazah Sarjana	325
Ijazah Pertama	21,688
Diploma	18,266
Matrikulasi	288
STPM	5231
Sijil Kemahiran	10,824
SPM/SPM (V)	28,050
SRP/ PMR	2,773
Tingkatan 1-3	132
Sekolah Rendah	495
Tidak bersekolah	448
Jumlah	88,527

Bilangan Penganggur Mengikut Keturunan.

(Sehingga 15 Mei 2008)

Melayu	74,715
Cina	1,421
India	2,453
Orang Asli	8
Bajau	1,427
Dusun	1,340
Kadazan	705
Murut	17
Rungus	12
Bisaya	48
Irranun	4
Suluk	13
Melayu Brunei	635
Melanau	829
Iban	1,951
Bidayuh	580
Orang Ulu	7
Lain-lain	2,362
Jumlah	88

Bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membantu penganggur mendapatkan pekerjaan secepat mungkin, Kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah untuk membantu golongan penganggur seperti berikut:

Memperbanyakkan program **Karnival Pekerjaan** (*Job Carnival*) yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa bagi membantu menemukan pencari kerja dan majikan;

- Melaksanakan Mengadakan **kerjasama dan dialog** dari semasa ke semasa dengan pihak industri dan institusi pengajian/latihan bagi menentukan keperluan sebenar industri;

- Memandangkan kegagalan graduan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan adalah berpunca dari masalah kekurangan ***soft-skill*** dan ***hard-skill*** yang tidak memenuhi keperluan industri, beberapa program akan diteruskan termasuk Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, perluasan program ICT melalui projek pengkomputeran dan *Schoolnet*. Program ini merupakan langkah awal pendedahan pelajar peringkat rendah dan menengah untuk menguasai Bahasa Inggeris dan ICT;

- **Skim Usahawan Siswazah** di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dan

- Menggalakkan majikan sektor swasta untuk **melatih** (*train)* dan **melatih semula** (*re-train)* pekerja mereka bagi meningkatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan negara.

SOALAN NO: 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**895**

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung kedatangan pelacur-pelacur dari negara luar serta jumlah pelacur asing dan pelacur tempatan sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa atas pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kerajaan adalah mengalu-alukan kemasukan warganegara asing secara sah sama ada untuk bekerja atau melancong dan mereka juga bukan tergolong sebagai pelawat atau pekerja yang tidak diingini (*inprohibited person*) mengikut undang-undang negara ini. Bagaimanapun, dalam hubungan ini adalah sukar bagi kerajaan untuk mengenal pasti sama ada warganegara asing itu terdiri dari pelacur atau tidak.

Namun demikian, kerajaan mengambil beberapa langkah sebagai kawalan untuk membendung elemen-elemen yang negative berkenaan seperti berikut:-

a. Mengenakan visa kepada rakyat negara yang tertentu bagi memasuki negara ini bagi tujuan tapisan.

b. Mewajibkan supaya mereka mempunyai tiket pulang kenegara asal yang sah (*confirmed return ticket*);

iii. pemeriksaan rawak bagi memastikan bahawa mereka mempunyai duit yang mencukupi untuk tempoh berada di negara ini;

iv. memperketat syarat-syarat pengeluaran visa oleh pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara; dan

v. memberi tempoh lawatan satu bulan sahaja untuk tujuan lawatan sosial bagi rakyat dari negara-negara yang dianggap mempunyai risiko.

Selain itu, PDRM juga mengambil beberapa langkah bagi membendung kedatangan pelacur-pelacur dari negara luar adalah dengan:-

i. mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mereka dikenakan tuduhan di bawah undang-undang yang berkaitan;

ii. mengambil tindakan ke atas penganjur dan pengusaha haram di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 dan Ordinan Darurat 5/69;

iii. mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* penyeludup-penyeludup yang membawa wanita-wanita warganegara asing;

iv. menjalin kerjasama dalam pertukaran maklumat dan risikan antara penguat kuasa luar negara dan juga penguat kuasa tempatan;

v. mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai sarang-sarang pelacuran; dan

vi. menyenaraihitamkan wanita-wanita warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik PDRM, jumlah tangkapan wanita warganegara asing yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan pelacuran dari tahun 2006 sehingga April 2008 adalah seramai 16,613 orang. Manakala, tangkapan pelacur tempatan dari tahun 2006 sehingga April 2008 adalah seramai 1,473 orang.

NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN**
TARIKH	:	**21 MEI 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO. 34**

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah mahasiswa universiti dan kolej universiti boleh menyertai mana-mana pertubuhan dalam negara ini, jika tidak kenapa?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak menghalang pelajar untuk menyertai mana-mana pertubuhan dalam negara dengan syarat ianya bukan suatu pertubuhan haram dan tidak menyalahi mana-mana perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan Kerajaan. Kerajaan amat menggalakkan pelajar-pelajar IPT menyertai persatuan atau pertubuhan seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), pertubuhan kebajikan dan sukarela, pertubuhan anak negeri dan sebagainya. Penyertaan pelajar-pelajar dalam organisasi yang sedemikian diharapkan dapat menambah ilmu dan jati diri pelajar-pelajar berkenaan.

Q.35

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Daripada	:	**Y.B. Tuan Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)**
Pertanyaan	:	**Mulut**
Tarikh	:	**21.05.2008**

Y.B. Tuan Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab berlakunya fenomena pertumbuhan tanpa pekerjaan seperti yang telah dinyatakan oleh Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) iaitu sebanyak 200,000 pekerjaan gagal dijana dengan pertumbuhan 5.8% dalam tahun 2007.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Menurut Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), pertumbuhan tanpa pekerjaan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tidak bermaksud tiada pertambahan pekerjaan langsung, tetapi merujuk kepada pertumbuhan pekerjaan yang semakin berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Berdasarkan Laporan Bank Negara yang diterbitkan pada 26 Mac 2008, jumlah guna tenaga telah meningkat sebanyak 2.1 peratus pada tahun 2007 daripada 11.16 juta orang pada tahun 2006 kepada 11.39 juta orang pada tahun 2007 dengan pertambahan pekerjaan baru sebanyak 233,400 orang bagi tempoh tersebut. Peningkatan tersebut adalah lebih rendah berbanding dengan pertambahan guna tenaga dalam tempoh 2004 ke 2005 sebanyak 429,100 pekerjaan baru. Pengurangan dalam pewujudan peluang pekerjaan berlaku walaupun terdapat peningkatan pertumbuhan ekonomi daripada 5.0% (2005) ke 5.9% (2006) dan meningkat lagi kepada 6.3% (2007).

Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut :-

Pertama: Perubahan struktur ekonomi Malaysia yang kini lebih berteraskan modal dan ilmu pengetahuan (*capital and knowledge-intensive*). Produktiviti buruh telah meningkat sebanyak 4.1 peratus bagi tempoh 2006 hingga 2007 berikutan peningkatan penggunaan ICT, automasi dan penambahbaikan proses kerja. Ini bermakna output telah meningkat sebanyak 4.1% dengan menggunakan jumlah buruh yang sama.

Kedua: Ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah pertumbuhan didorong produktiviti (*productivity-driven growth)* berbanding dengan pertumbuhan didorong input (*input-driven growth)* yang berlaku pada tahun-tahun sebelum ini. Ini bermakna, jumlah produktiviti meningkat melalui faktor pengeluaran buruh dan modal turut meningkat seperti ditunjukkan oleh peningkatan 'Total Factor Productivity' yang telah menyumbang 35.8% daripada pertumbuhan ekonomi bagi tempoh 2006-2007.

Ketiga: Peningkatan produktiviti adalah hasil daripada semakin ramai rakyat mendapat pendidikan dan latihan yang lebih baik. Ini dibuktikan oleh golongan yang mendapat pendidikan tinggi *(tertiary)* telah meningkat daripada 20.0 peratus pada tahun 2005 kepada 22.5 peratus pada tahun 2007.

Keempat: Menjadi amalan di kalangan syarikat-syarikat besar untuk *outsource* aktivitinya ke negara lain yang mempunyai kadar upah yang lebih rendah agar kosnya dapat dikurangkan. Sungguhpun amalan ini menyebabkan peluang kerja beralih ke luar negara, namun tenaga buruh tempatan dapat lebih menumpu kepada kegiatan ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi

yang memberikan pendapat yang lebih baik dan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain dari itu, proses transformasi ekonomi boleh dipercepatkan sekiranya kehadiran buruh asing yang tidak mahir dapat dikurangkan serta proses automasi dan penggunaan mesin ditingkatkan. Ini penting kerana pada masa ini, negara telah mencapai kadar guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kurang daripada 4 peratus iaitu 3.3 peratus pada tahun 2006 dan 3.2 peratus pada tahun 2007. Oleh itu, apa yang lebih mustahak ialah menyediakan peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi supaya jumlah pendapatan rakyat dapat ditingkatkan.

Soalan No : 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)**

TARIKH : **21.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kelewatan pertukaran guru-guru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan dasar pertukaran guru sama ada antara negeri atau dalam negeri dilaksanakan secara berjadual. Pertukaran tersebut dilakukan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada awal tahun (1 Januari) dan pertengahan tahun (1 Jun).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan kelulusan bagi pertukaran awal tahun adalah melibatkan semua permohonan, manakala bagi pertukaran pertengahan tahun, hanya kes-kes kesihatan kronik akan dipertimbangkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004, jawatan guru diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif. Selaras dengan pekeliling tersebut, tempoh kelayakan bagi permohonan pertukaran antara negeri adalah mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri terakhir.

Walaubagaimanapun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada keperluan dan kekosongan jawatan di negeri yang dipohon. Di samping itu, pertimbangan pertukaran juga dibuat berdasarkan syarat-syarat berikut:

i. Atas keperluan perkhidmatan;
ii. Kes kesihatan yang kronik bagi pemohon (surat pengesahan daripada doktor pakar kerajaan);
iii. Mengikut suami atau isteri;dan
iv. Memenuhi tempoh perkhidmatan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai pertukaran Jun 2008, pertukaran guru antara negeri akan dilaksanakan secara atas talian (*on-line*) yang dinamakan e-GTukar. Guru-guru boleh mengemukakan permohonan secara *on-line* dan disahkan oleh Pengetua/Guru Besar ke JPN/Kementerian untuk pertimbangan kelulusan permohonan pertukaran guru.

Rjm62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN

YB Datuk Haji Bahrum bin Mohamed minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah logo halal Malaysia dapat diterima di peringkat antarabangsa

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pensijilan dan logo halal Malaysia sememangnya telah diterima di peringkat antarabangsa memandangkan Malaysia merupakan peneraju utama dalam pensijilan halal dan mempunyai piawaian yang bertaraf antarabangsa iaitu MS 1500:2004 (Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian Dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum).

Malaysia menjadi rujukan banyak negara yang ingin membangunkan pensijilan halal di negara masing-masing termasuklah dari negara-negara Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dan juga negara-negara bekas Soviet Union seperti Kazakstan dan Kirgistan. Malah satu kajian yang dijalankan di negara-negara OIC khususnya di Iran, Maghribi, Mesir dan United Arab Emirate (UAE) mendapati pengguna begitu yakin dengan produk yang mempunyai label halal Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Penerimaan pensijilan halal Malaysia di peringkat antarabangsa telah terbukti apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) diberi anugerah *Leadership in Halal Certification* pada tahun 2003 dan 2004 dari World Halal Council.

SOALAN NO : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	**896**

Y.B. Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan dan dasar Kerajaan untuk membantu lebih 30,000 pemastautin tetap (pemegang kad pengenalan merah) keturunan Tiong Hua untuk memperoleh status kerakyatan dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Taiping yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara terdapat seramai 40,866 orang pemegang kad pengenalan berstatus Pemastautin Tetap keturunan cina sama ada yang lahir di dalam atau di luar Malaysia. Mereka yang berkelayakan seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan untuk menjadi rakyat negara ini.

Pihak Kementerian tidak mempunyai dasar tertentu untuk menjadikan sesuatu keturunan sahaja memperoleh taraf kewarganegaraan. Pertimbangan yang diberikan adalah sama bagi semua keturunan yang berasal dari berbagai negara. Keutamaan yang diberikan ialah selain daripada telah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan, mereka juga mestilah membuktikan bahawa mereka mempunyai niat untuk menetap terus di negara ini sebagai seorang warganegara yang taat dan setia. Memandangkan pemberian taraf kewarganegaraan adalah satu penganugerahan yang tertinggi

kepada warganegara asing dan ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, maka penentuan masa bagi menyelesaikan sesuatu permohonan tidak wajar diwujudkan.

SOALAN NO 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)
TARIKH : 21 MEI 2008

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada kos pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan meneiun belanja RM4 bilion seperti mana yang dilaporkan di media massa.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kos sebenar pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua tidak dapat ditentukan sehingga model pelaksanaan projek yang sedang dirundingkan ketika ini dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, kos pembinaan yang dipersetujui ketika rundingan di antara Kerajaan dan UEM Group Berhad **sehingga April 2008** adalah sebanyak RM4,300 juta. Berdasarkan penelitian lanjut ke atas reka bentuk dan panjang jambatan tersebut sejauh 24 km, beberapa arahan kerja baru oleh Kerajaan telah dimasukkan iaitu pembinaan beberapa *directional ramp,* sebuah *cloverleaf* dan tambahan cerucuk. Sementara itu, beberapa cadangan asal syarikat dikeluarkan iaitu platform peninjau dan kawasan Rawat dan Rehat. Rundingan masih dibuat

bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga-harga bahan binaan terutamanya melibatkan besi, konkrit, simen, aggregate dan diesel serta *remeasurement of piling*.

NS: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HENRY SUN AGONG**
TARIKH	:	**21 MEI 2008 (RABU)**
NO.PERTANYAAN	:	**NO. 40**

Tuan Henry Sun Agong [Lawas] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan (under-graduate/post-graduate) yang telah dihasilkan oleh setiap universiti awam bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2005, jumlah graduan yang telah dikeluarkan oleh IPTA adalah seramai 79,934 orang. Pada tahun 2006, jumlahnya meningkat sebanyak 0.6% iaitu kepada 80,422 orang. Pada tahun 2007 pula, jumlah graduan adalah seramai 85,448 iaitu meningkat sebanyak 6.2% berbanding tahun sebelumnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTALIB [MARAN]**

TARIKH : **21 MEI 2008**

SOALAN : 3741

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Mutalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pegawai-pegawai awam yang bersara pada setiap tahun dan sehingga hari ini berapakah jumlah kekosongan jawatan di beberapa agensi di seluruh Negara belum dipenuhi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah anggota perkhidmatan awam yang bersara pada setiap tahun jika diambil kira mulai tahun 2001 hingga tahun 2007 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Anggota Yang Bersara
2001	13,626
2002	10,431
2003	17,106
2004	16,901
2005	19,197
2006	19,171
2007	20,942
Jumlah	**117,374**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah kekosongan jawatan di 28 buah Kementerian yang masih belum dipenuhi sehingga 1 Januari 2008 adalah sebanyak **170,380 kekosongan** daripada sejumlah 1,164,428 perjawatan yang telah diwujudkan.

SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI minta PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah merapatkan jurang pendapatan antara kaum utama di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971 merupakan salah satu pendekatan penting Kerajaan didalam memastikan kekayaan negara dapat diagihkan dengan adil dan saksama antara etnik dan wilayah di seluruh negara melalui dua strategi utama iaitu:

(i) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik; dan

(ii) penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

DEB ini diteruskan pula dengan dasar-dasar ekonomi selepasnya iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) serta Misi

Nasional menerusi teras ketiga, yang masih memberi penekanan kepada aspek 'pertumbuhan dengan pengagihan' atau dengan izin '*growth with distribution*'.

Menerusi pelaksanaan dasar-dasar ini, pelbagai kejayaan telah dapat dicapai terutamanya berkaitan usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Berbalik kepada persoalan Y.B. Tenom tentang kejayaan DEB dalam merapatkan jurang pendapatan antara kaum, dasar-dasar pengagihan ini didapati telah berjaya membantu mengurangkan jurang ketidakseimbangan pendapatan antara kaum di negara ini. Sebagai contoh, menerusi pelbagai pendekatan yang diambil, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara Bumiputera dengan Cina semakin mengecil setiap tahun di mana pada tahun 1970 nisbahnya ialah 1:2.29, mengecil kepada 1:1.74 pada tahun 1990 dan 1:1.54 pada tahun 2007. Pada masa yang sama, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara Bumiputera dengan India juga semakin mengecil iaitu daripada 1:1.77 pada tahun 1970, mengecil kepada 1:1.29 pada tahun 1990 dan 1:1.20 pada tahun 2007.

Hasil daripada pelaksanaan agenda pengagihan ini, Kerajaan dapat memastikan wujudnya kesaksamaan agihan kekayaan negara dan seterusnya menjamin keharmonian dan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan berupaya mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan negara.

Soalan No : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT)**
TARIKH	:	**21.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah-sekolah baru yang akan dibina pada tahun 2008 di seluruh Malaysia, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil mengikut negeri-negeri amnya dan di Hulu Langat khasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-9, KPM merancang untuk membina 398 buah sekolah, iaitu 180 sekolah rendah dan 218 sekolah menengah, termasuk 2 SJKC baru dan 1 SJKT baru. Manakala pada 31Januari 2008, KPM secara prinsipnya telah membenarkan pembinaan sebanyak enam (6) buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC. Namun perkara tersebut masih di peringkat awal yang mana KPM perlu memperhalusi pembinaan sekolah tersebut dengan mengambil kira cadangan tapak dan lokasi.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi Parlimen Hulu Langat sebanyak 2 buah sekolah baru telah dirancang dalam RMKe-9.Rjm 64

SOALAN NO. (44)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)
TARIKH	:	21 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Akta Kerajaan Tempatan 1976 akan dipinda di dalam masa yang terdekat ini bagi memulihkan sistem pemilihan Kerajaan Tempatan. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2008

SOALAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH : 21 MEI 2007

SOALAN :

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) meminta Perdana Menteri menyatakan apakah wujud kaitan di antara Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA) dengan sistem pengurusan zakat yang ditadbir oleh pusat-pusat zakat tempatan dan pusat-pusat zakat negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA) adalah merupakan sebuah organisasi di peringkat antarabangsa. Penubuhannya dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bertujuan untuk menggembleng usaha dan kewangan dari kalangan Negara-negara Islam dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam. Matlamat utama LZA adalah untuk membantu umat Islam yang memerlukan bantuan terutamanya ketika kecemasan menghadapi malapetaka, bencana alam atau seumpamanya.

LZA ini tidak sekali-kali menyentuh atau megambilalih tugas dan peranan yang dijalankan oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri atau mana-mana institusi zakat di negeri. Dana atau sumber kewangan LZA itu juga tidak melibatkan wang zakat yang dipungut oleh pusat-pusat zakat negeri.

NO : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

DARIPADA: TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.5.2008

SOALAN NO : 46

Tuan Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah peruntukan dalam Bajet 2008 yang telah dibelanjakan setakat ini dan berapakah yang telah dibelanjakan untuk RMKe-9. Jika di bawah atau melebihi sasaran, apakah langkah-langkah untuk memastikan sasaran perbelanjaan optimum tercapai demi mempercepatkan pembangunan rakyat dan Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang telah diluluskan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM174.9 bilion, di mana sebanyak RM128.8 bilion adalah bagi perbelanjaan Mengurus dan sebanyak RM46.1 bilion adalah bagi perbelanjaan Pembangunan.

Daripada jumlah RM128.8 bilion yang diluluskan bagi perbelanjaan Mengurus, sebanyak RM30.4 bilion atau 23.6% telah dibelanjakan setakat 31 Mac 2008. Berdasarkan kepada unjuran aliran tunai bagi tahun 2008, perbelanjaan mengurus dijangka dapat dibelanjakan keseluruhannya.

Daripada jumlah RM46.1 bilion yang diluluskan bagi perbelanjaan Pembangunan pula, sebanyak RM5.3 bilion atau 11.5% telah dibelanjakan setakat 31 Mac 2008. Berdasarkan kepada unjuran keperluan aliran tunai, perbelanjaan pembangunan dijangka dapat dibelanjakan sebanyak RM40.8 bilion menjelang akhir tahun 2008.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Pembangunan keseluruhan bagi RMKe-9 sehingga 31 Mac 2008 adalah sebanyak RM81.7 bilion iaitu 40.9% daripada keseluruhan siling RMKe-9 sebanyak RM200 bilion. Pada masa ini Kerajaan sedang membuat kajian separuh penggal RMKe-9 dan akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini tidak lama lagi.

Bagi memastikan perbelanjaan dibuat mengikut perancangan dan sasaran, maka pelaksanaan dan perbelanjaan oleh kementerian-kementerian bagi projek-projek RMKe-9 sentiasa dipantau oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM dan Kementerian Kewangan.

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	**DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan pusat berhasrat menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri yang dikuasai Kerajaan Pakatan Rakyat.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri yang dikuasai Pakatan Rakyat.

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**898**

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik terkini kadar jenayah yang berlaku di negeri Selangor dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Jenayah Indeks untuk Selangor bagi tempoh Januari hingga Mac 2008 adalah 15,285 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,135 kes direkodkan sebagai Jenayah Kekerasan dan 12,150 kes lagi direkodkan sebagai Jenayah Harta Benda.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha menangani kadar jenayah yang semakin meningkat dalam masyarakat terutamanya di bandar-bandar, PDRM telah mengambil beberapa langkah-langkah seperti dengan meningkatkan rondaan bit, MPV dan motosikal; mewujudkan Balai atau Pondok Polis baru dengan sewaan bangunan, kedai atau perumahan di kawasan yang mempunyai kekerapan berlakunya kejadian jenayah; maklumat melalui Rakan Cops "Sistem Pesanan Ringkas' (SMS) dan "Sistem Pesanan Multimedia (MMS); serta menambah kehadiran polis di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Selain dari itu, PDRM juga mengadakan kerjasama yang erat dengan kerajaan tempatan dan lain-lain agensi kerajaan seperti JKKK / Daerah, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen; mengadakan kempen-kempen, ceramah dan pameran-pameran berkaitan senario jenayah; menggunakan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu; mengadakan kerjasama dengan NGO dan *Malaysian Crime Prevention Foundation* (MCPF) dan mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

NJ : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)**
TARIKH	:	**21.05.2008 (RABU)**
SOALAN	:	**49**

DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengawal kenaikan harga barang-barang dan kos kehidupan yang kian meningkat dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah yang telah diambil bagi memastikan harga dan kos barangan berada dalam keadaan yang munasabah adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit.

Kerajaan juga secara berterusan melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Sementara itu, kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan yang terdiri daripada petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti *(standard white loaf)*, ayam, minyak

masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga telah digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatut dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Selain dari langkah di atas, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah baru untuk membendung kenaikan harga dan inflasi . Langkah-langkah tersebut adalah :

(i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

(ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946 dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.

(iii) Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasar dapat dibanteras.

(iv) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:

a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;

b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan

c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

Soalan No. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan perlunya merangka program bersepadu bagi membangunkan atau menaik taraf jalan luar bandar terutamanya bagi membangunkan atau menaik taraf jalan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Datuk, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan prasarana dan utiliti yang sempurna kepada penduduk di kawasan luar Bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), terdapat sepanjang 10,000 km jalan di Sabah dan

20,000 km jalan di Sarawak yang masih belum diturap. Adalah menjadi hasrat Kementerian ini supaya jalan-jalan tersebut dibina dan di naik taraf dengan sempurna bagi kemudahan penduduk.

Sehubungan itu, pada masa ini Kementerian sedang mengumpulkan maklumat terperinci mengenai jalan-jalan tersebut dan bercadang untuk membangunkan dan menaik taraf jalan berkenaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan peruntukan yang di sediakan bagi pelaksanaannya.

NO SOALAN: ~~50~~ 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ikrar kerajaan untuk menghapuskan rasuah yang melibatkan golongan atasan kakitangan telah berjaya apabila setakat ini BPR hanya mendakwa seorang bekas menteri, Tan Sri Kasitah Gadam, atas tuduhan rasuah RM 3.5 juta sahaja manakala 18 orang lagi yang terlibat dengan rasuah masih belum didakwa.

JAWAPAN

Perlu ditegaskan bahawa tidak semua siasatan akan berakhir dengan pendakwaan di mahkamah. Pendakwaan sesuatu kes dibuat berdasarkan bukti dan keterangan kukuh yang diperoleh semasa siasatan serta peruntukan undang-undang sedia ada. Untuk makluman Y.B. Wangsa Maju, semasa penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri pada 20

April 2005 di Dewan Yang Mulia ini, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menyenaraikan 13 kes yang melibatkan pendakwaan ke atas individu-individu profil tinggi sama ada ahli politik, pegawai tinggi kerajaan atau pegawai kanan sektor swasta. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Y.A.B. Perdana Menteri tidak pernah bertolak-ansur ke atas individu-individu yang melakukan kesalahan. Oleh itu, saya memohon Y.B. Wangsa Maju dapat membuat semakan terlebih dahulu sebelum membangkitkan pertanyaan tersebut kerana ini merupakan isu lama yang kerap diulang-ulang oleh pihak pembangkang tanpa sebarang kesudahan.

SOALAN NO: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**899**

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah jenayah yang dilakukan oleh pekerja asing dalam jangka masa 5 tahun yang lepas dan apakah jenis jenayah-jenayah tersebut. Berapakah jumlah pekerja asing telah didakwa bagi jenayah-jenayah tersebut dan hukuman yang dikenakan terhadap mereka bagi jangka masa itu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pekerja asing yang terlibat dalam jenayah bagi tempoh 10 tahun yang lalu iaitu daripada tahun 1998 hingga 2007, adalah sebanyak 32,933 kes. Di antara jenis-jenis kesalahan jenayah yang dilakukan ialah kesalahan bunuh, rogol, samun, mendatangkan kecederaan, mencuri, ragut dan pecah rumah. Hukuman yang dikenakan terhadap mereka adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini tidak menyimpan rekod warganegara asing yang telah didakwa bagi kesalahan-kesalahan jenayah. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada statistik banduan sabitan warganegara asing yang telah dikenakan hukuman penjara pada tahun 2007 ialah seramai 50,812 orang.

LAMPIRAN K

SOALAN 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MARCUS MOJIGOH

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:-

dari segi perspektif pelancongan apakah tindakan Kementerian:-

a) bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar akibat aliran sungai yang tercemar; dan

b) bagi mengatasi masalah pembuangan najis terus ke laut oleh mereka yang tinggal di atas air di pesisir Kota Kinabalu yang berdekatan dengan hotel 5 bintang.

JAWAPAN SOALAN A

Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan mengambil berat isu pemeliharaan alam sekitar di mana Pelan Ekopelancongan Kebangsaan diwujudkan bagi pembangunan mampan Malaysia dan pemuliharaan warisan alam semula jadi.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar, Kementerian Pelancongan telah memperkenalkan kursus Eco-Host untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai keperluan memelihara dan memulihara alam sekitar. Eco-Host juga bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai situasi alam sekitar pada hari ini dan bagaimana aktiviti manusia memberi kesan terhadap ekosistem alam semulajadi. Dengan menghadiri kursus Eco-Host, seseorang itu akan lebih memahami hubungan antara pelancongan dengan persekitaran serta kepentingan ekopelancongan dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

JAWAPAN SOALAN B

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini sememangnya amat prihatin terhadap masalah ini kerana ia boleh mendatangkan kesan secara langsung ke atas industri pelancongan di negeri ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan telah menyediakan peruntukkan sebanyak RM 9.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk Negeri Sabah iaitu kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur asas di kampung ini. Untuk makluman Yang Berhormat projek ini sekarang adalah diperingkat pelaksanaan yang telah pun lebih 20% siap.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH: 21 MEI 2008 [RABU]

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau menyedari penerbitan 2 buah buku iaitu "Oil For Food" dan "Kenapa Saya Buat Laporan Polis terhadap Pak Lah - UMNO Dikhianati di pasaran, serta adakah Kerajaan bercadang untuk membersihkan nama baiknya kesan daripada penerbitan buku-buku tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya bukan sahaja menyedari penerbitan 2 buku tersebut, tetapi juga mengetahui isunya yang banyak terpesong dan berniat songsang. Walaubagaimana pun saya tidak bercadang untuk menjawab atau menulis buku yang lebih mengenainya. Memadai dengan percaya dan yakin dengan kebijaksanaan rakyat untuk menilai sendiri yang mana yang palsu dan yang mana kebenaran. Sesungguhnya tuduhan-tuduhan yang terdapat dalam buku-buku tersebut adalah songsang dan berniat buruk.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 55

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebelum Pilihan Raya Umum ke-12, Kerajaan telah membatalkan pengharaman untuk eksport monyet ("Macaques"). Adakah pengharaman ini akan dikuatkuasakan kembali dan adakah terdapat mana-mana syarikat Malaysia yang terlibat dalam mengeksport monyet-monyet ini dan jika ada, nyatakan pemilik-pemilik syarikat tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mempertimbangkan cadangan untuk menguatkuasakan kembali pengharaman eksport monyet " Macaques " . Tiada mana – mana syarikat Malaysia yang terlibat dalam pengeksportan monyet kerana sehingga kini tiada sebarang pengeksportan monyet dibuat.

Kera atau nama saintitifiknya *Macaca fascicularis* merupakan spesies primat yang dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta 76. Kera juga merupakan spesies yang disenarai di bawah Apendiks II *Convention on International Trade in Endangered Spesies of Wild Flora and Fauna* (CITES) dan boleh diperdagangkan diperingkat antarabangsa secara komersil . Walaubagaimanapun sejak 1984 Kerajaan Malaysia telah mengenakan larangan eksport spesies kera.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN 56.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM (BUKIT GANTANG)

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN

Y.B. Tuan Roslan bin Shaharum (Bukit Gantang) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang *gas supply* kepada industri dan kilang di seluruh negara. Bagaimana ketetapan Kerajaan, bila dan berapa harganya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan industri gas di Malaysia telah bermula seawal tahun 1981 dan ianya dirancang secara sistematik dan bersepadu melalui Pelan Induk Jangka Panjang Industri Gas.

Bagi Semenanjung Malaysia, pelaksanaan pelan induk tersebut telah mewujudkan Sistem Penyaluran Gas Semenanjung (dengan izin *Peninsular Gas Utilisation System* - PGU) yang merangkumi loji-loji pemprosesan gas dan saluran paip gas sepanjang kira-kira 2,500 kilometer ke seluruh Semenanjung Malaysia. Sistem ini telah menjadi penggerak utama kepada pembangunan sektor elektrik dan industri di Semenanjung Malaysia.

Walau bagaimanapun, di Sabah dan Sarawak, oleh kerana permintaan domestik yang rendah pada masa itu, sebahagian besar pengeluaran gas telah diguna untuk menghasilkan gas asli cecair (LNG) bagi tujuan eksport dan selebihnya digunakan untuk penjanaan elektrik dan industri bagi negeri tersebut.

Pembekalan gas oleh PETRONAS kepada pelanggannya adalah melalui Perjanjian Bekalan Gas yang mana antara lain menetapkan harga jualan berdasarkan harga pasaran semasa bersandarkan indeks harga pasaran semasa bagi *Medium Fuel Oil.*

Walau bagaimanapun, sejak Mei 1997, harga jualan gas kepada sektor elektrik telah ditetapkan oleh Kerajaan pada kadar RM6.40 setiap MMBtu *(dengan izin million British Thermal Unit).* Manakala sejak Oktober 2002, harga jualan gas kepada sektor perindustrian telah ditetapkan oleh Kerajaan pada RM11.32 setiap MMBtu kepada pengguna perindustrian yang menggunakan jumlah gas lebih dari 2 juta kaki padu sehari (dengan izin *million standard cubic feet per day – mmscfd)* dan RM12.87 setiap MMBtu kepada pengguna perindustrian yang menggunakan jumlah gas kurang dari 2 mmscfd. Harga yang telah ditetapkan Kerajaan ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan harga pasaran semasa di antara RM27.20 ke RM34.00 setiap MMBtu.

Tuan Yang Di Pertua,

Penetapan harga gas yang murah telah menyebabkan permintaan terhadap bekalan gas meningkat dengan pesat dengan sektor perindustrian mencatatkan peningkatan permintaan yang ketara. Harga

yang rendah juga mendorong pengguna di Semenanjung Malaysia menukar sumber bahan api mereka kepada gas disamping mendorong penggunaan gas secara tidak efisyen. Keadaan ini sebenarnya tidak berdaya tahan lebih-lebih lagi bagi sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharu dan semakin susut.

NO. SOALAN : 57

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sungai-sungai yang mengalami pencemaran teruk (tahap pencemaran) di seluruh negara dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan program pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi 143 lembangan sungai di seluruh negara, sebanyak 91 (64%) lembangan sungai dikategorikan sebagai "bersih", 45 (31%) lembangan "sederhana tercemar" dan 7 (5%) lembangan "tercemar" pada tahun 2007. Ini menunjukkan peningkatan dalam kualiti keseluruhan air sungai berbanding tahun 2006 di mana terdapat hanya 80 (55%) lembangan "bersih" manakala 59 (40%) lembangan "sederhana tercemar" dan 7 (5%) lembangan "tercemar". Berdasarkan angka-angka di atas adalah jelas langkah-langkah di bawah program pengawasan kualiti air sungai telah membawa kesan yang positif.

Terdapat 7 lembangan sungai yang tercemar bagi tahun 2007 iaitu, Sungai Juru dan Sungai Pinang di Pulau Pinang, Sungai Merlimau di Melaka, Sungai Segget, Sungai Tebrau dan Sungai Danga dan Sungai Pasir Gudang di Johor.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran sungai termasuk :-

(i) Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya di mana syarikat dan kilang yang gagal mematuhi undang-undang dikenakan tindakan keras;

(ii) Mempertingkatkan aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada punca-punca pencemaran termasuklah mengadakan sesi dialog bagi membantu mereka menyelesaikan masalah dan mematuhi peruntukan undang-undang. Pada tahun 2007 sebanyak 155 dialog, 108 pameran dan 10 gotong royong telah diadakan; dan

(iii) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pertanian untuk mempertingkatkan kualiti air sungai. Antara tindakan yang diambil ialah mengarah dan menghendaki syarikat dan kilang yang terletak berhampiran sungai supaya memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran seperti membina perangkap sampah. Sejumlah 168 perangkap sampah telah dipasangkan di 112 lembangan sungai dan kesan daripada langkah ini jumlah sampah yang dikutip setiap hari memang banyak.

NO :58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**
TARIKH	:	**21 MEI 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO. 58**

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan Melayu yang dihasilkan di IPTA bagi tahun 2000 hingga 2007. Sila nyatakan bidang jurusan mereka dan apakah langkah Kerajaan untuk membantu mereka untuk mendapatkan kerja di sektor swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan Melayu yang dihasilkan oleh IPTA bagi tahun 2000 hingga 2007 adalah seramai 339,872 orang.

Pada tahun 2007, seramai 63,417 orang graduan Melayu dihasilkan oleh IPTA. Daripada jumlah tersebut, peratusan mengikut bidang pengajian adalah:-

i.	Sastera dan Sains Sosial	:	44.2%
ii.	Sains	:	15.5%

iii.	Teknikal	:	21.9%
iv.	Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi	:	6.5%
v.	Pendidikan	:	11.9%

Kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang pengajian tinggi kepada semua tanpa mengira kaum, gender dan kedudukan. Bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti dan berdaya saing, pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian di antaranya:-

i. Menyemak dan mengemaskini kurikulum pengajian IPTA dari semasa ke semasa supaya ia relevan dan dapat memenuhi kehendak pasaran. Selain itu, setiap kursus baru yang hendak diperkenalkan juga perlu mendapat input dari pada industri serta menjalankan kajian pasaran sebelum diluluskan;

ii. Melaksanakan program *internship* yang mana pelajar akan menjalani latihan praktikal selama enam bulan bulan dengan pihak industri bagi memberikan lebih pengalaman dan meningkatkan kemahiran;

iii. Sentiasa berinteraksi dengan pihak swasta (Persatuan Majikan/Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia, SMIDEC, GLC's, Persatuan Perniagaan) untuk mengumpul maklumat-maklumat berkaitan status terkini *'supply and demand'* dalam pelbagai industri; dan

iv. Mengadakan pelbagai aktiviti seperti bengkel/ceramah/simposium kerjaya, *job fair, walk-in*

interview dan menghebahkan peluang-peluang pekerjaan seperti melalui Bursa Buruh Elektronik atau *Electronic Labour Exchange* (ELX).

Kementerian akan terus berusaha bagi memastikan graduan yang dihasilkan mampu berdikari dan berkeyakinan tinggi.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**900**

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemasukan pelancong asing yang tidak dapat dikesan kepulangan mereka ke negara asal mengikut pecahan negara masing-masing, apakah tindakan yang telah diambil, sejauh manakah tindakan yang diambil serta ramaikah yang dapat dikesan dan berjaya dihantar pulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kemasukan warganegara asing sebagai pelancong ke Malaysia sepanjang tahun 2007 adalah sejumlah **20,624,600** orang. Manakala bagi 1 Januari 2008 sehingga 30 April 2008, warganegara asing yang masuk sebagai pelancong ke Malaysia adalah sejumlah **6,424,781 orang.**

Berdasarkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sehingga 30 April 2008, sejumlah **379,772** pelancong asing tidak mempunyai rekod keluar dari Malaysia. Mengikut kategori warganegara, pecahan tertinggi adalah **160,980 (Singapura), 89,728 (Indonesia), 41,066 (Thailand), 24,549 (China) dan 14,257 (India).**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan RELA sentiasa melipat gandakan operasi-operasi penguatkuasaan untuk mengesan warganegara asing yang melanggar Akta Imigresen termasuklah kesalahan tinggal melebihi tempoh masa yang dibenarkan. Dari 1 Januari 2008 sehingga 30 April 2008 **sebanyak 2,050 operasi penguatkuasaan** telah dilakukan.

Dalam tempoh tersebut sejumlah **20,098 orang** telah ditangkap di atas pelbagai kesalahan imigresen. Dari jumlah tersebut seramai **4,089 (20.3%) telah ditangkap atas kesalahan tinggal melebihi tempoh masa yang dibenarkan.** Mereka yang ditangkap ini telah disiasat dan **sejumlah 2,028 telah didakwa** di mahkamah dan dikenakan hukuman sebelum diusir.

No. Soalan: 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI TAJUDIN BIN ABDUL RAHMAN
TARIKH	:	21 MEI 2008

Datuk Haji Tajudin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapakan program-program pembangunan usahawan Bumiputera tidak menampakkan kejayaannya terutama sekali di kalangan masyarakat Bumiputera luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program pembangunan usahawan bumiputera Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah menunjukkan hasil kejayaan seperti yang disasarkan. Ini telah terbukti daripada pencapaian sasaran pada tahun 2006 dan 2007 yang berasaskan kepada **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah ditetapkan seperti berikut :

(i) Kementerian telah berjaya membudayakan 599,000 masyarakat berbanding sasaran 600,000;
(ii) melahirkan 67,497 usahawan baru berbanding 60,000 sasaran;
(iii) memantapkan 9,000 enterprise sedia ada berbanding 10,000 sasaran;
(iv) memantapkan 519 koperasi berbanding sasaran 600 koperasi sedia ada;

(v) mewujudkan 400 koperasi baru berbanding sasaran 340 koperasi baru;

(vi) mewujudkan 362 francaisi berbanding sasaran 400; dan

(vii) melatih 60,000 tenaga kerja mahir berbanding sasaran 70,000 tenaga kerja mahir.

Sungguhpun begitu, kejayaan tersebut masih tidak ketara dan terserlah terutamanya di luar bandar kerana pencapaiannya merupakan sebahagian daripada proses pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan, memakan masa dan masih berskala kecil. Sehubungan dengan ini, MECD mengambil langkah-langkah penambahbaikan dan memperkasakan program-program pembangunan usahawan termasuk di kawasan luar bandar seperti berikut :

i. menyusun semula halatuju strategik keusahawanan kepada 3 program teras:

   a. Program *Conversion* – Memastikan tenaga terlatih menjadi usahawan, menambah nilai produk dan perkhidmatan dan mengkomersilkan hasil penyelidikan dan pembangunan (*brain intensive entrepreneurs*);

   b. Program *Cluster* – Menguasai rantaian nilai sesuatu sektor ekonomi dan meningkatkan jaringan perniagaan;dan

   c. Program *Corridor* – Mewujudkan Pelan Tindakan MECD bagi memastikan peluang-peluang perniagaan dalam pembangunan koridor disertai dan dikuasai oleh Bumiputera.

ii. Memantapkan perananan dan tanggungjawab **Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD)** bagi memastikan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dan koperasi dapat dinikmati di peringkat akar umbi. Melalui MPUD sebanyak 248 program keusahawanan seperti Program Gerak Usahawan Peringkat Daerah, Seminar, bengkel dan latihan *hands-on* telah dilaksanakan yang melibatkan 900 usahawan dan bakal usahawan di peringkat daerah.

Sejak penubuhan MPUD, sebanyak RM2.9 juta telah dibelanjakan dan sebanyak RM10.88 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program keusahawanan pada tahun 2008.

iii. memperkasakan program-program 'outreach' yang memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan MECD dan agensi-agensi di bawahnya. Pelbagai program dilaksanakan meliputi Program Gerak Usahawan, Penubuhan Pusat Bimbingan Usahawan, Majlis Pembangunan Usahawan Daerah dan sebagainya. Sejak dilancarkan pada tahun 2005, Gerak Usahawan telah berjaya melahirkan 16,911 usahawan baru dalam pelbagai bidang dengan nilai jualan kontrak RM5,847,785 dan bilangan pemamer sebanyak 1,378 menerusi 3 penganjuran di peringkat nasional dan 8 di peringkat negeri. Dari tahun 2004-2007, Pusat Bimbingan Usahawan Negara (PBUN) telah menerima 1,145 pengunjung. Terdapat 11 buah Pusat Bimbingan Usahawan Negeri (PBUn) dan 52 buah Pusat Bimbingan Usahawan Daerah (PBUD) di seluruh negara.

iv. melaksanakan program-program yang menggandingkan perkongsian pintar dengan pembabitan pelbagai pihak dalam perlaksanaannya termasuk usahawan, universiti tempatan, agensi kepakaran seperti SIRIM dan pihak pembiaya seperti SME Bank, Yayasan Tekun dan Bank Rakyat;

v. melantik 'anchor' dan mentor iaitu usahawan yang berjaya dalam bidang tertentu untuk membimbing usahawan baru yang dipanggil vendor dan 'mentee'. Sehingga 31 Disember 2007 terdapat sebanyak 102 syarikat anchor dan 270 syarikat vendor yang telah dilantik.

vi. mewujudkan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Usahawan Bumiputera yang bertujuan untuk mengumpulkan semua produk usahawan Bumiputera di seluruh pelusuk daerah dan membantu memasarkan produk tersebut menerusi aktiviti jualan dan promosi. Pusat ini akan dikenali sebagai *Trading House* yang mempunyai elemen

pengumpulan, pemasaran dan juga *value add services*(di bawah Program *Groom Big*). Setakat ini, dua (2) Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Usahawan Bumiputera telah diwujudkan iaitu di Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Plaza Herbal dan di Kedah yang dikenali sebagai Syarikat Cita Utara. Adalah dianggarkan jumlah jualan di Kuala Lumpur boleh mencapai sebanyak RM200,000 dengan jumlah usahawan yang terlibat seramai 100 orang sementara di Kedah jumlah jualan boleh mencapai sebanyak RM800,000.00.

vii. mewujudkan perniagaan secara *Contract Farming* iaitu program pembangunan usahawan dalam bidang pertanian dan penternakan dengan objektif untuk melahirkan usahawan baru dalam bidang yang lebih kompetetif disamping membantu syarikat induk/*anchor* memenuhi keperluan pasaran yang sekaligus membantu perkembangan perniagaan syarikat terbabit. Program-program di bawahnya adalah seperti Program Biotek Orkid, Program penternakan ikan keli, Program penternakan kambing, Program tanaman kundur, Program ternakan lembu berkelompok

vii. mewujudkan perniagaan secara *Contract Manufacturing* iaitu program pembangunan usahawan dengan melantik syarikat induk/anchor sebagai payung bagi melahirkan usahawan-usahawan di bawahnya supaya skala perniagaan atau kapasiti pengeluaran bertambah besar bagi memenuhi permintaan. Program *Contract Manufacturing* Taman Pengeluaran Produk Usahawan (TPPU) di Pedas, Negeri Sembilan dan Serkam, Melaka oleh Syarikat Muslim Best dan Alam Abjad Sdn. Bhd. telah berjaya mewujudkan 20 usahawan, manakala Syarikat Petro Teguh Sdn. Bhd bakal mewujudkan 50 usahawan stesyen petrol mini dan pengedaran LPG. Bagi menjayakan program ini, pembiayaan kepada usahawan diwujudkan melalui kerjasama secara berpakej dengan agensi/syarikat sebagai *anchor company*. **Dalam tempoh 2004 hingga 2007, sebanyak 3 anchor dan 70 usahawan telah dilahirkan.**

viii. memperluaskan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang merupakan program pembangunan industri yang diwujudkan oleh komuniti secara kerjasama di sesuatu daerah dengan menggunakan kekuatan kepakaran, bahan mentah dan rangkaian pemasaran. Setakat ini, terdapat 133 daerah dengan **14 industri** yang berpotensi untuk berkembang merangkumi industri berasaskan produk makanan, kraftangan, homestay dan sebagainya. Bagi memantapkan SDSI, pendekatan anak angkat digunakan di mana setiap agensi akan mengambil satu daerah untuk dibangunkan seperti Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) bagi produk makanan di Kuala Langat, Uda Holding Berhad (UHB) bagi produk Batik di Kelantan dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) bagi produk Seramik di Kuala Kangsar, Perak.

Disediakan oleh	:	**KPSU (RN)1 / PSU (RN) 1** **Sabarudin Bin Salleh / Aminah binti Ahmad** **03-8880 5192 / 03-8880 5231** **019-266 3890 / 012-307 2490**
Disemak Oleh	:	**PENGARAH (RN)** **Hj. Zakaria Bin Jaafar** **03-8880 5220** **016-383 6495**
Dipersetujui Oleh	:	**TKSU (U)**
Diluluskan Oleh	:	**KSU** 12/5.

NO. SOALAN : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	**TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa berikutan kemenangan 10 Ahli Parlimen Pakatan Rakyat dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada Pilihan Raya Umum Ke-12, adakah mereka akan diberikan peruntukan khas tahunan Ahli Parlimen sebagaimana yang dinikmati oleh Ahli-ahli Parlimen BN sebelum ini. Jika ada, berapakah jumlah dan bagaimanakah ianya disalurkan dan jika tidak mengapa.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan kepada kawasan Parlimen ini adalah merupakan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen dan disalurkan kepada

semua kawasan Parlimen melalui Pejabat Pembangunan Negeri di negeri masing-masing. Selepas Pilihanraya Umum ke-12 tahun 2008, peruntukan yang disalurkan untuk setiap kawasan Parlimen adalah RM500,000. Semua pihak termasuk Y.B. Ahli Parlimen boleh mencadangkan kepada PPN projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan berkenaan. PPN akan mempertimbangkan cadangan tersebut berdasarkan peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada.

SOALAN NO. (62)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)
TARIKH	:	21 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar projek-projek pembangunan berkaitan seperti kos pengambilan balik tanah, pembinaan tapak pelupusan, stesen pemindahan dan `insinerator' seharusnya ditanggung oleh pihak Kerajaan Pusat kerana kuasa telah diangkat daripada pihak negeri kepada Persekutuan. Terdapat keperluan pusat-pusat pelupusan sani tari yang mendesak di seluruh negara. Apakah tindakan dan tanggungjawab Kerajaan terhadap perkara-perkara tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambilalih tanggungjawab menguruskan sisa pepejal daripada pihak berkuasa tempatan. Namun demikian, ia tidak bererti bahawa Kerajaan Persekutuan dipertanggungjawabkan untuk menanggung semua kos yang terlibat dalam mewujudkan kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti pengambilan balik tanah, pembinaan tapak pelupusan , stesen pemindahan dan insinerator. Akta tersebut adalah bagi maksud mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi maksud menyenggarakan kebersihan yang sepatutnya.

Namun begitu, Kerajaan Persekutuan sedar akan tanggungjawabnya dalam memastikan kesihatan awam dilindungi dan alam sekitar tidak dimusnahkan. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah dan sedang mengambil beberapa tindakan tertentu

seperti membina tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, menaiktaraf tapak pelupusan tidak sanitari dan menutup tapak pelupusan yang mencemarkan alam sekitar. Umpamanya di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, sebanyak 48 tapak pelupusan sisa pepejal telah dikenalpasti untuk dibuat penutupan secara selamat kerana berada di kawasan tadahan air, di muka sauk ataupun di kawasan sensitif alam sekitar. Di samping itu, sebanyak lima insinerator telah diluluskan pembinaannya dan peruntukannya bagi menangani masalah sisa pepejal di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Labuan dan di Cameron Highland.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mei 2008

NO. 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN NGEH KOO HAM [BERUAS]**

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **21 MEI 2007 (RABU)**

SOALAN : **NO. 63**

SOALAN

YB. Tuan Ngeh Koo Ham minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan kutipan bayaran pembetungan Indah Water Konsortium dan sama ada Kerajaan bersetuju bahawa kos yang ditanggung oleh Indah Water Konsortium ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pembetungan yang disediakan adalah bertujuan untuk memulihara kesihatan umum

masyarakat dan juga alam sekitar terutamanya sumber dan punca bekalan air minum. Terdapat dua jenis perkhidmatan pembetungan yang disediakan di negara ini iaitu sistem pembetungan berpusat dan sistem tangki septik individu dan berkelompok.

Perkhidmatan pembetungan berpusat melibatkan sistem penyaluran air kumbahan melalui rangkaian paip pembetungan daripada premis-premis hartanah ke loji rawatan kumbahan berhampiran. Air kumbahan tersebut akan menjalani proses rawatan bagi memastikan efluen dan enap cemar yang dihasilkan melepasi piawaian yang ditetapkan oleh Akta Alam Sekeliling. Efluen tersebut akan disalurkan kembali ke alur-alur air berdekatan, manakala enap cemar akan ditanam secara sistematik di tapak pembuangan yang dibenarkan. Indah Water Konsortium (IWK) adalah operator bagi operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan jenis ini.

Jenis perkhidmatan pembetungan kedua adalah yang menyedut dan mengenyahkan enap cemar dari tangki-tangki septik individu dan berkelompok (*communal*). Enap cemar yang disedut dari tangki-tangki tersebut akan dihantar ke pusat-pusat rawatan enap cemar yang berhampiran untuk proses rawatan. Kebiasaannya, pusat rawatan enap cemar ini adalah sebahagian daripada komponen loji rawatan kumbahan yang dikendali dan diselenggarakan oleh IWK.

Tuan Yang Dipertua,

Caj yang dikenakan adalah berdasarkan jenis perkhidmatan yang dinikmati oleh pemilik-pemilik premis hartanah. Kutipan hasil yang

diperoleh akan digunakan oleh pihak IWK untuk menampung sebahagian daripada kos pengendalian dan penyenggaraan (O&M) sistem-sistem pembetungan awam negara. Memandangkan kutipan tersebut tidak dapat menampung kos O&M sebenar, Kerajaan masih perlu membiayai sebahagian daripadanya. Sementara itu, Kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan pembiayaan kapital (Capex) dan melaksanakan pembangunan loji-loji rawatan dan rangkaian paip pembetungan baru serta menaik taraf sistem sedia ada.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh sebab bayaran yang dibuat oleh pemilik premis adalah bagi maksud caj perkhidmatan pembetungan yang meliputi penyaluran dan rawatan kumbahan, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan caj berkenaan. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan bahawa pihak IWK akan mengendali dan menyelenggarakan perkhidmatan pembetungan secara cekap dan berkesan sepanjang masa. Bagi tujuan tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia syarikat tersebut selari dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) yang telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2008.

****

NS : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TONY PUA KIAM WEE**
TARIKH	:	**21 MEI 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO. 64**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) kriteria pelajar STPM dan Matrikulasi yang layak meneruskan pengajian di universiti awam; dan

(b) kuota universiti-universiti dan kursus-kursus tertentu bagi pelajar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria pemilihan bagi kemasukan ke universiti awam bagi pelajar lepasan STPM dan Matrikulasi adalah berdasarkan susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi program pengajian berkaitan dengan berasaskan prinsip meritokrasi. Pemohon juga perlu memenuhi syarat am dan syarat khas program yang dipohon seperti yang telah ditetapkan oleh universiti.

Kejayaan calon untuk dipilih ke program pengajian yang dipohon adalah bergantung kepada kriteria yang disebutkan. Pemohon yang mempunyai merit yang rendah tetapi memilih program yang kompetitif, berkemungkinan sukar untuk mendapat tawaran ke IPTA.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menyebarkan maklumat berkaitan kriteria pemilihan kemasukan ke IPTA. Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah/Kolej Matrikulasi dimaklumkan tentang kaedah penyediaan merit semasa Program Pendidikan KPT Bersama Rakyat di seluruh negara. Kementerian bersikap terbuka, telus dan adil dalam pemilihan pelajar ke IPTA bagi memastikan pelajar yang berkelayakan tidak diabaikan.

(b) Kursus-kursus yang ditawarkan di semua IPTA adalah terbuka kepada semua pelajar yang layak. Pelajar perlu merujuk kepada dasar dan syarat-syarat kemasukkan yang telah ditetapkan.

SOALAN NO. 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG
(BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 21 MEI 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tempoh masa untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% pembuat keputusan di sektor awam terdiri daripada kaum wanita. Nyatakan usaha-usaha Kementerian yang bertujuan mengarusperdanakan pandangan wanita.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menetapkan tempoh masa untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan bagi sektor awam berdasarkan pertimbangan berikut:

(i) kenaikan pangkat para penjawat awam dipertimbangkan mengikut kriteria yang ditetapkan tanpa mengira gender. Oleh itu, wanita dan lelaki yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dipertimbangkan kenaikan pangkat;

(ii) sasaran sekurang-kurangnya 30% bukanlah kuota, oleh itu meletakkan tempoh masa yang tertentu bagi mencapai sasaran 30% akan membuat kerajaan terikat untuk memenuhi sasaran tersebut, tanpa mengambil kira kriteria yang ditetapkan; dan

(iii) sekiranya ramai wanita yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan, jawatan di peringkat

pembuat keputusan yang disandang oleh wanita boleh melepasi sasaran 30%.

Walaupun tiada tempoh masa yang ditetapkan, dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan telah menampakkan kemajuan yang memberangsangkan. Bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 26.0% pada tahun 2007; Duta Besar daripada 10% pada tahun 2006 kepada 15.6% pada tahun 2007; dan Pesuruhjaya Tinggi daripada 4.3% pada tahun 2006 kepada 40.0% pada tahun 2007.

Jawatan Naib Canselor yang dahulunya di dominasi oleh lelaki kini telah disandang oleh wanita, di mana tiga orang wanita telah dilantik sebagai Naib Canselor universiti awam iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pelantikan mereka ini merupakan peningkatan daripada peratus sifar pada tahun 2004 kepada 15.0% pada tahun 2007.

Kementerian yakin sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam boleh dicapai

dalam masa terdekat memandangkan bilangan pegawai wanita yang berada di peringkat pengurusan pertengahan (Gred 48 hingga 54) pada tahun 2007 telah melebihi 30.0%.

Bagi mempercepatkan pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan bagi sektor awam, Kementerian ini sedang mengambil tindakan berikut:

(i) penilaian dan analisis status wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam;

(ii) membuat perbandingan *"comparative"*, dengan izin, amalan terbaik dengan negara-negara yang telah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30%; dan

(iii) memastikan semua pihak, khususnya pengurusan atasan dalam sektor awam sendiri memahami dasar sekurang-kurangnya 30% ini dan diaplikasikan dalam dasar pengambilan, latihan dan perancangan strategik pengurusan sumber manusia termasuk pelan penggantian *(succession plan)*.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengarusperdanakan perspektif wanita dalam penggubalan dasar dan perundangan serta perancangan program dan projek, beberapa mekanisme telah diwujudkan bagi membolehkan isu berkaitan wanita diketengahkan dan diambil tindakan sewajarnya. Antara mekanisme yang telah diwujudkan ialah Majlis Penasihat Wanita Negara, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (sehingga ke peringkat akar umbi) serta Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

Penubuhan Jawatankuasa Kabinet ini merupakan satu pencapaian yang signifikan kerana ianya merupakan satu platform di peringkat tertinggi untuk mengetengahkan dan menangani isu-isu kesaksamaan gender. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini telah menghasilkan, antara lain ialah:

(i) pelantikan *Gender Focal Point* di setiap kementerian dan agensi utama untuk meningkatkan penglibatan, kerjasama

dan sokongan daripada semua kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam usaha mengarusperdanakan gender; dan

(ii) mewujudkan undang-undang khusus bagi menangani masalah pemerdagangan manusia (Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan oleh Parlimen pada 24 Mei 2007 dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008).

Selain itu, wanita juga diberi peluang untuk mengetengahkan pandangan mereka melalui sesi konsultatif secara berkala seperti majlis dialog, forum dan seminar yang dianjurkan oleh Kementerian. Di samping itu, Kementerian juga mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat daripada individu dan pertubuhan bukan kerajaan tertentu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam isu-isu pembangunan wanita dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**Y.B DATUK ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALEH (KALABAKAN)**
Tarikh	:	**21 MEI 2008 (RABU)**

SOALAN:

YB. Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) minta MENTERI PENERANGAN menyatakan ternyata media generasi baru khususnya 'blog' membawa pengaruh yang besar ke atas trend pengundian pada pilihan raya yang lalu. Apakah Kementerian merancang untuk menyertai media generasi baru yang teramat berkesan ini.

JAWAPAN:

Terima kasih diucapkan kepada YB Kalabakan atas soalan yang dikemukakan. Kerajaan melihat perkembangan penyampaian maklumat dan pandangan rakyat melalui blog sebagai satu perkara

yang positif sejajar dengan kepesatan teknologi informasi. Semua pandangan yang dikemukakan melalui blog juga dilihat sebagai pandangan rakyat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan.

Pihak Kerajaan sentiasa memantau laman-laman blog yang ada, namun tidak bercadang untuk mengawal dan menapis laman-laman web dan blog berkenaan.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**901**

SOALAN :

Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) bilangan kes kematian yang berlaku dalam tahanan sejak tahun 2002 sehingga 2007 dalam lokap polis, penjara, pusat tahanan pendatang tanpa izin, pusat tahanan untuk EO, LLPK, dan pusat tahanan untuk penagih dadah; dan

(b) berapakah inkues terhadap kes kematian dalam tahanan telah dijalankan dan berapa yang telah diselesaikan sejak tahun 2000 sehingga sekarang dan sekiranya inkues tidak dijalankan seperti yang diwajibkan di bawah undang-undang, mengapa ia berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik PDRM dan Jabatan Penjara, semenjak tahun 2002 hingga 2007 sejumlah 1,867 kes kematian berlaku di mana 95 kes di dalam lokap polis; 1,595 kes di dalam penjara; 50 kes di dalam depot PATI; 10 kes di dalam Pusat Pemulihan Akhlak bagi tahanan Ordinan Darurat; 116 kes di dalam Pusat Pemulihan Akhlak bagi tahanan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan 664 kes di dalam Pusat Serenti.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi PDRM untuk tempoh tahun 2000 hingga 2007, sebanyak 52 inkues daripada 95 kes tahanan yang mati di dalam lokap telah dilakukan oleh polis. Daripada jumlah ini, sebanyak 41 kes inkues telah selesai dan 11 lagi kes inkues masih menunggu keputusan Majistret. Bakinya sebanyak 43 kes masih lagi dalam siasatan polis.

Bagi penghuni di bawah Pusat Serenti, setiap kematian akan dilaporkan kepada pihak polis dan 'post-mortem' hospital akan

dilakukan untuk memastikan punca kematian seseorang penghuni. Jika terdapat sebarang unsur jenayah hasil daripada laporan 'post-mortem', pihak hospital akan membuat laporan polis dan inkues terhadap kematian seseorang penghuni tersebut akan dilakukan. Inkues juga akan dilakukan sekiranya keluarga si mati tidak berpuas hati dengan laporan 'post-mortem' yang dikeluarkan oleh pihak hospital. Untuk tempoh tahun 2000 hingga 2007 daripada 856 kematian yang direkodkan di Pusat Serenti, tiada sebarang inkues dilakukan kerana kesemua kes ini telah disahkan oleh pihak hospital, polis dan Majistret yang kematian mereka adalah diakibatkan oleh HIV/AIDS dan lain-lain penyakit seperti sakit jantung dan lelah.

Bagi penghuni di bawah Institusi Jabatan Penjara pula, sebarang kematian akan dilaporkan kepada pihak polis dan Majistret serta koroner akan dipanggil untuk mengesahkan punca kematian tersebut. Setiap kes kematian di bawah Institusi Jabatan Penjara akan di inkues terlebih dahulu bagi mengesahkan kematian seseorang termasuk kematian yang diakibatkan oleh HIV/AIDS atau penyakit lain. Laporan koroner dan pengesahan daripada Majistret diperlukan untuk mengesahkan kematian seseorang bagi memastikan dan mengesahkan tidak wujud sebarang unsur-unsur penganiayaan terhadap kematian seseorang penghuni.

Untuk tempoh tahun 2000 hingga 2007, sebanyak 2,156 inkues kematian direkodkan dan daripada jumlah ini hanya 26 inkues melibatkan kes 'sudden-death' atau kematian mengejut seperti bergaduh atau bunuh diri. Kesemua 26 inkues ini telah diselesaikan

dan disahkan oleh Majistret serta koroner akan punca kematiannya. Daripada 2,156 kes kematian penghuni yang direkodkan di bawah Institusi Jabatan Penjara, kebanyakannya telah meninggal dunia di sebabkan penyakit. Berdasarkan laporan koroner dan pegawai perubatan punca utama kematian tersebut adalah HIV/AIDS iaitu 59.4% atau 1,281 kes kematian; 39.4% atau 849 kes kematian disebabkan penyakit seperti *'septicaemia'*, pulmonari tuberkulosis, kanser, sakit jantung, masalah darah dan asma.

LAMPIRAN L

SOALAN 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]**
TARIKH	:	**21 MEI 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan :-**

Adakah kakitangan Kementerian membantu untuk mempromosikan pelbagai aktiviti pelancongan di negeri Sabah.

JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan, melalui agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, **sememangnya** telah sedia membantu mempromosi pelbagai aktiviti pelancongan dan produk pelancongan di Negeri Sabah. Melalui Pejabat Tourism Sabah dengan keanggotaan kakitangan seramai 15 orang sahaja, pelbagai aktiviti promosi telah dijalankan bagi mempromosikan Negeri Sabah sebagai salah satu destinasi pelancongan di Malaysia.

Acara-acara bertaraf antarabangsa seperti Mount Kinabalu International Climbathon, 4X4 Borneo Safari, Labuan International Sea Challenge, Sabah Fest, Sabah Dragon Boat Race, Sabah Tea Adventure Race, KK City Tourism Treasure Hunt dan Pesta Kaamatan merupakan di antara acara-acara yang dipromosikan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan

Malaysia melalui penerbitan bahan-bahan promosi berbentuk bunting, penerbitan buku acara dan cenderahati.

Merujuk kepada statistik jumlah pelancong ke Negeri Sabah yang dikeluarkan oleh Sabah Tourism Board, jelas menunjukkan peningkatan jumlah pelancong ke Negeri Sabah. Jumlah keseluruhan pelancong ke Negeri Sabah pada tahun 2006 adalah seramai 2,091,658 orang, dimana jumlah *pelancong domestik adalah seramai 1,340,735 orang dan* jumlah pelancong antarabangsa adalah seramai 750,923 orang.

Manakala bagi tahun 2007, jumlah pelancong ke Negeri Sabah telah meningkat sebanyak 18.5% kepada 2,478,443 di mana jumlah pelancong domestik telah meningkat kepada 1,490,783 orang manakala pelancong antarabangsa meningkat kepada 987,660 orang.

Bagi program promosi pelancongan domestik, Negeri Sabah turut dipromosi melalui program Misi Jualan Domestik, Pameran Cuti-Cuti Malaysia, MATTA Fair dan lawatan produk oleh penggiat industri dan media tempatan adalah aktiviti-aktiviti galakan yang telah dilaksanakan.

Bagi pelancongan antarabangsa pula, Negeri Sabah turut dipromosikan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang utama di Malaysia. Ini dilaksanakan juga melalui misi jualan antarabangsa, pameran-pameran, seminar-seminar dan lawatan industri dan media yang lebih dikenali sebagai *media fam.* Selain itu, Negeri Sabah turut dipromosikan melalui laman web Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan pengiklanan melalui billboard, poster dan risalah pelancongan Negeri Sabah.

SOALAN NO: 69.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA	:	Y. B. TUAN HJ NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK)
TARIKH	:	21 MEI 2008

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek mega Kerajaan yang telah dibatalkan oleh Kerajaan sejak YAB Perdana Menteri mengambil alih jawatan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan berapakah nilai ganti rugi yang terpaksa ditanggung akibat pembatalan kontrak kerja itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 2003 hingga kini, Kerajaan membatalkan hanya dua projek berikut iaitu:

i) Pojek Pembinaan Jambatan Baru bagi Mengganti Tambak Johor; dan

ii) Projek Loji Rawatan Termal Broga Selangor.

Bagi projek pembinaan jambatan baru mengganti Tambak Johor sejumlah RM257 juta telah dibayar sebagai pampasan kepada Gerbang Perdana Sdn Bhd. Manakala bagi projek loji rawatan termal Broga Selangor jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada Consortium Ebara Corporation dan Hartasuma Sdn Bhd masih dirundingkan.

NO. SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN MAT ISA

TARIKH : 21 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. Ir. Haji Hamim bin Mat Isa [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ukuran dan sejauh mana penerimaan rakyat terhadap projek-projek Kerajaan seperti ECER dan NCER sedangkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 baru-baru ini seolah-olah rakyat menolak projek-projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Kerajaan melancarkan inisiatif Koridor-Koridor Pembangunan sebagai salah satu pendekatan baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri yang wujud di negara ini secara lebih bersepadu dan terselaras. Pertumbuhan yang lebih seimbang amat kritikal dalam memastikan faedah dari pertumbuhan dapat dinikmati bersama oleh semua rakyat secara adil dan saksama. Inilah merupakan hasrat murni Kerajaan melancarkan inisiatif Koridor Pembangunan iaitu bagi memastikan wilayah dan negeri-negeri yang kurang maju ini dapat

mengalami pertumbuhan yang lebih pesat dan rakyat mendapat faedah lebih besar daripada pembangunannya. Dengan itu, Kerajaan tetap komited dan akan memastikan setiap Koridor Pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk koridor masing-masing. Oleh itu, pembangunan setiap koridor ini akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal ini, walaupun keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 baru-baru ini menunjukkan perubahan landskap politik masa kini yang sedikit berbeza daripada dahulu, tetapi Kerajaan beranggapan ini bukanlah faktor yang boleh dijadikan sebagai ukuran terhadap penerimaan rakyat kepada projek-projek berkenaan. Kita tidak boleh menjadikan keputusan pilihan raya umum yang lalu sebagai anggapan seolah-olah rakyat menolak koridor pembangunan ini.

Selain itu, Kerajaan juga tidak menjangkakan perubahan landskap politik ini akan menjadi satu halangan besar kepada pelaksanaan inisiatif koridor pembangunan. Ini kerana projek koridor pembangunan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan di negeri-negeri berkaitan serta meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan berkenaan. Oleh itu, Kerajaan percaya bahawa Kerajaan-Kerajaan Negeri yang sekarang ini diperintah oleh parti lain akan terus memberi kerjasama yang sewajarnya bagi memajukan pembangunan di NCER ini. Malah, respon awal daripada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang menyatakan persetujuan mereka untuk menandatangani penguatkuasaan Akta NCIA adalah petunjuk positif dan menunjukkan kesediaan mereka untuk bekerjasama dan bersama-sama menjayakan inisiatif koridor NCER. Ini merupakan tanda-tanda awal

bahawa inisiatif koridor terutamanya NCER akan dilaksanakan tanpa banyak halangan.

Oleh itu, bagi menyelaras pelaksanaan setiap projek yang dicadangkan di bawah koridor ini, khususnya di NCER dan ECER, dan sebagai langkah mengelakkan timbulnya sebarang masalah pelaksanaan di kemudian hari, Kerajaan juga akan terlebih dahulu menyusul semula perancangan semua program-program dan projek-projek yang dirancang dalam NCER dan juga di ECER dengan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat, sebelum projek-projek di negeri-negeri tersebut dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kita semua perlu sedar bahawa keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan pembangunan koridor-koridor misalnya seperti ECER dan NCER adalah bergantung kepada sejauh mana penglibatan Kerajaan Negeri yang berkaitan serta penglibatan pihak swasta dan rakyat tempatan dalam memastikan perancangan pembangunan koridor ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Walaupun keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 baru-baru ini menunjukkan perubahan lanskap politik yang sedikit berbeza, tetapi Kerajaan tidak melihat perkara ini sebagai satu penolakan terhadap perancangan Kerajaan Pusat, malah Kerajaan melihatnya sebagai antara cabaran yang perlu ditangani dengan sewajarnya dalam usaha Kerajaan membawa kemajuan untuk negeri-negeri ini amnya serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di kawasan ini khususnya.

Apa yang lebih penting sekarang ialah setiap pihak berkepentingan perlulah memberi sokongan sepenuhnya terhadap pelaksanaan semua program dan projek yang terdapat dalam pelan pembangunan tersebut kerana kejayaan NCER atau ECER ini juga bukan hanya bergantung kepada inisiatif dan usaha Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau penglibatan pihak swasta yang berkenaan malah rakyat tempatan sendiri perlu memberi sokongan padu supaya pembangunan yang dihasratkan ini berjaya mencapai matlamatnya.

SOALAN NO: 71

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)
TARIKH	:	21 MEI 2008 (RABU)
SOALAN	:	**DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

Apakah perkembangan yang telah dicapai oleh syarikat swasta yang dilantik Kementerian sebagai perunding untuk membangunkan kawasan pertanian Kerian – Sungai Manik serta namakan syarikat dan lembaga pengarahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi kawasan Sungai Manik, kajian dan reka bentuk terperinci bagi Projek Pemodenan Pengurusan Sistem Pengairan, Skim Pengairan Sungai Manik telah selesai dilaksanakan oleh Perunding Shazdif pada awal tahun 2007. Kajian ini merangkumi aspek-aspek sumber air, pengurusan air pengairan, menaik taraf infrastruktur serta cadangan penyelesaian kepada isu-isu pengurusan air yang dihadapi oleh petani. Projek pembangunan ini telah dibahagikan kepada dua pakej seperti berikut:

Pakej 1: Projek Menaik taraf Infrastruktur Pengairan

Melibatkan Projek Menaik Taraf Sistem Taliair Kedua Taliair 6 di Mukim Labu Kubong dengan kos kontrak asal sebanyak RM8 juta. Projek ini telah bermula pada 10 April 2006 dan tempoh perlaksanaan adalah selama 2 tahun. Walau bagaimanapun kontrak asal tersebut telah ditamatkan disebabkan kegagalan dan kelewatan

kontraktor menyiapkan kerja-kerja mengikut jadual. Ketika ini proses tawaran semula sedang diuruskan dan tender yang baru dijangka dapat dipanggil dalam Jun 2008.

Pakej 2 : Projek Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan

Melibatkan Projek Menaiktaraf Sistem Taliair Kedua Taliair 7, Mukim Labu Kubong dengan kos kontrak sebanyak RM6.8 juta. Projek ini telah bermula pada 14 Januari 2007 dan tempoh perlaksanaan selama 2 tahun. Ketika ini kemajuan fizikal bagi kerja-kerja menaiktaraf adalah sebanyak 50%.

Kajian pembangunan ini hanya meliputi kawasan Sungai Manik dan tidak melibatkan kawasan Kerian.

Senarai ahli Lembaga Pengarah Syarikat Perunding Shazdif ialah:

1. Abd.Latif Bin Mat
2. Shahrudin Bin Hj. Anuar